"SINERGI MAPAN PERKHIDMATAN PERBURUHAN BERPAKSIKAN RAKYAT"



Laporan Tahunan 2017

JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA

"SINERGI MAPAN PERKHIDMATAN PERBURUHAN BERPAKSIKAN RAKYAT"



Laporan Tahunan 2017

JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA



RASIONAL

Konsep muka depan adalah transformasi perkhidmatan perburuhan kepada rakyat. Paparan gambar yang menunjukkan susunan suai gambar *(jingsaw puzzle)* melambangkan fungsi dan tanggungjawab utama Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) sebagai respons kepada persekitaran perburuhan negara yang kompleks selaras dengan komitmen bagi mencapai objektif menjaga dan melindungi kepentingan serta memajukan masyarakat industri yang terdiri daripada golongan pekerja, majikan, serta masyarakat awam secara amnya. Bagi merakyatkan perkhidmatan awam, JTKSM sentiasa memastikan sistem penyampaian perkhidmatan dan perkongsian maklumat yang cepat dan tepat disampaikan kepada masyarakat.

JTKSM sentiasa komited dan telus untuk memastikan setiap perkhidmatan yang diberikan ini memberi impak yang positif dan sampai kepada semua lapisan masyarakat. Kepelbagaian medium dan kaedah penyampaian maklumat diguna pakai agar perkhidmatan ini dapat dicapai oleh semua peringkat kumpulan sasar.

Tema **Sinergi Mapan Perkhidmatan Perburuhan Berpaksikan Rakyat** dipilih bagi tema tahun 2017 di mana tanggungjawab utama JTKSM untuk mencapai objektif yang menjaga dan melindungi kepentingan serta memajukan masyarakat industri dapat dicapai dengan kerjasama dan penglibatan secara *tripartite* iaitu Kerajaan, Majikan dan Pekerja yang memerlukan sinergi yang tersusun dan berterusan serta berorientasikan masa depan.

ISIKANDUNGAN

01 Visi, Misi, Objektif & Dasar Kualiti — M/S 1

02 Piagam Pelanggan — M/S 2

03 Carta Organisasi — M/S 3

04 Perutusan Ketua Pengarah — M/S 5

05 Pengurusan Tertinggi — M/S 7

06 Pengarah Bahagian — M/S 8

07 Perlindungan Hak Pekerja Dan Majikan Melalui Penguatkuasaan Undang-Undang Dan Standard Perburuhan — M/S 10

08 Perlindungan Sosial Dan Pendidikan Perburuhan — M/S 44

09 Pengoptimuman Perkhidmatan Pekerjaan Negara — M/S 70

10 Pemerkasaan Penyampaian Perkhidmatan Jabatan Kepada Rakyat — M/S 86

11 Tadbir Urus Organisasi — M/S 104

12 Aktiviti Pengurusan Perburuhan Dan Pekerjaan — M/S 118

13 JTKSM di Arena Antarabangsa — M/S 126

14 Wacana JTKSM — M/S 130

15 Memoir JTKSM — M/S 133

16 Lokasi JTKSM — M/S 140

17 Sidang Redaksi — M/S 152

VISI

Peneraju utama kecemerlangan pentadbiran perburuhan di sektor swasta



MISI

- Memperkasakan pentadbiran perburuhan untuk meningkatkan kebajikan warga pekerja dan kepentingan para majikan; dan
- Memperluaskan peluang pekerjaan bagi memenuhi keperluan pasaran buruh

OBJEKTIF

- Melindungi kepentingan dan memajukan kepentingan masyarakat industri;
- Mengutamakan dan mengekalkan peluang-peluang pekerjaan kepada warganegara;
- Membantu industri meningkatkan daya saing bagi menghadapi cabaran-cabaran globalisasi; dan
- Mewujudkan masyarakat industri yang berpengetahuan dalam hal-hal berkaitan undang-undang perburuhan untuk membina suasana perburuhan yang kondusif bagi pembangunan perindustrian dan pelaburan.

DASAR KUALITI

Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia adalah komited untuk mengendalikan sebarang aduan buruh demi mewujudkan suasana kerja yang harmoni bagi menjamin kepuasan pelanggan dan dipertingkatkan secara berterusan



PIAGAM PELANGGAN

1. Menyediakan kemudahan Pusat JobsMalaysia yang efektif dan mesra pelanggan bagi:

   - Memberi kemudahan percuma untuk mendaftar secara *online;*
   - Penjodohan pekerjaan dalam tempoh 24 jam secara *online* tertakluk kepada kesesuaian jawatan dan kelayakan;dan
   - menyediakan khidmat sokongan penempatan pekerjaan.

2. Menyiasat dan memaklumkan hasil siasatan setiap aduan berkaitan isu perburuhan dalam tempoh 30 hari dari tarikh pengaduan;

3. Menyelesaikan pengaduan kes buruh melalui mekanisme Mahkamah Buruh dalam tempoh 90 hari dari tarikh pemfailan;

4. Memproses permohonan lesen di bawah Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 dalam tempoh 14 hari bekerja;

5. Memproses permohonan lesen hiburan awam di bawah Akta Kanak-kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966 dalam tempoh 14 hari bekerja;

6. Mengeluarkan taksiran pampasan pekerja di bawah Akta Pampasan Pekerja 1952 dalam tempoh 5 hari bekerja dari tarikh dokumen lengkap diterima;

7. Memproses dan mengeluarkan syor dalam tempoh 14 hari dari tarikh dokumen lengkap bagi permohonan penggajian pekerja asing diterima;

8. Memberi khidmat nasihat serta menjawab pertanyaan pelanggan dengan cepat, tepat dan mesra; dan

9. Memberi layanan mesra di kaunter kepada setiap pelanggan jabatan.

YBHG DATO' MOHD JEFFREY BIN JOAKIM
KETUA PENGARAH TENAGA KERJA
SEMENANJUNG MALAYSIA
JUSA B

PUAN MAGESWARY A/P SUBRAMANIAM
PENASIHAT UNDANG-UNDANG
L44

PUAN PAEZA BINTI ROSDI
TIMBALAN KETUA PENGARAH
(PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN)
(JUSA C)

ENCIK AHMAD MUDI ONN BIN NOR
(SEHINGGA 16 JULAI 2017)
ENCIK AMINUDDIN BIN AB. RAHAMAN
(MULAI 17 JULAI 2017)
PENGARAH DASAR & PERANCANGAN STRATEGIK
PPP S54

ENCIK YUSOFF BIN HARUN
(SEHINGGA 16 JULAI 2017)
ENCIK MUSTAFFA KAMAL BIN BAWAIHI
(MULAI 17 JULAI 2017 PENGARAH
PERKHIDMATAN PEKERJAAN
PPP S52

PUAN WAN NURULHIDAYAH BINTI WAN SAMSUDIN
(MULAI 4 SEPTEMBER 2017)
PENGARAH KHIDMAT PENGURUSAN
PTD M52

ENCIK MOHD ASRI BIN ABDUL WAHAB
(SEHINGGA 16 JULAI 2017)
ENCIK AHMAD MUDI ONN BIN NOR
(MULAI 17 JULAI 2017)
JTK SELANGOR
PPP S54

ENCIK AMINUDDIN BIN AB. RAHAMAN
(SEHINGGA 16 JULAI 2017)
ENCIK MOHD ASRI BIN ABDUL WAHAB
(MULAI 17 JULAI 2017)
JTK WP KUALA LUMPUR
PPP S54

ENCIK RAHMAT BIN ISMAIL
(SEHINGGA 16 JULAI 2017)
ENCIK AHMAD KHUSAIRI BIN LOPE ABDUL RAHIM
(MULAI 17 JULAI 2017)
JTK PERAK
PPP S54

ENCIK THARU MARAJAN A/L SINNAGOUNDAR
JTK NEGERI SEMBILAN
S52

PUAN ROKIAH BINTI ALI HASSAN
(SEHINGGA 16 JULAI 2017)
ENCIK PEZMAN BIN CHE HUSSIN
(MULAI 17 JULAI 2017)
JTK PAHANG
S52

ENCIK PEZMAN BIN CHE HUSSIN
(SEHINGGA 16 JULAI 2017)
ENCIK ROSLI BIN OMAR
(MULAI 17 JULAI 2017)
JTK KELANTAN
S48

PUAN SURAIYA CH'NG BINTI ABDULLAH
JTK MELAKA
S48

ENCIK AZMI BIN IBAT
JTK PERLIS
S48

ENCIK MOHSEN BIN ALI
JTK LABUAN
S44



CARTA ORGANISASI

IBU PEJABAT JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA

PUAN FAUZIAH BINTI ABDULLAH
PEGAWAI PERHUBUNGAN AWAM
S44

ENCIK WAN ZULKFLI BIN WAN SETAPA
TIMBALAN KETUA PENGARAH
(OPERASI)
(JUSA C)

ENCIK RAHMAT BIN ISMAIL
(MULAI 17 JULAI 2017)
PENGARAH STANDARD
PERBURUHAN
PPP S54

ENCIK SAFIAN HAMZAH
(MULAI 17 JULAI 2017)
PENGARAH PERUNDANGAN DAN
PENGUATKUASAAN
PPP S54

ENCIK WAN ISMAIL BIN WAN IBRAHIM
PENGARAH PEKERJA ASING
PPP S52

ENCIK SAFIAN BIN HAMZAH
(SEHINGGA 16 JULAI 2017)
ENCIK YUSOFF BIN HARUN
(MULAI 17 JULAI 2017)
JTK JOHOR
PPP S54

ENCIK AHMAD KHUSAIRI BIN LOPE ABDUL RAHMAN
(SEHINGGA 16 JULAI 2017)
ENCIK SAZALI BIN KETEH
(MULAI 17 JULAI 2017)
JTK PULAU PINANG
PPP S54

ENCIK MOHD NIZAR BIN ZAKARIA
(SEHINGGA 16 JULAI 2017)
ENCIK AZRUL HISHAM BIN KAMARUZZAMAN
(MULAI 18 SEPTEMBER 2017)
JTK KEDAH
S48

ENCIK BURHANUDDIN BIN JUSOH
JTK TERENGGANU
S48

AZIZAH BINTI JAAFAR
MIDA
S48

PERUTUSAN
KETUA PENGARAH

Bismillahirahmanirrahim
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh
Salam sejahtera

Syukur ke hadrat Illahi kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, Laporan Tahunan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) 2017 telah diterbitkan dengan jayanya. Sekalung tahniah saya ucapkan kepada pasukan Sidang Redaksi dan semua yang terlibat dalam menzahirkan penerbitan ini yang melakarkan pencapaian dan kejayaan JTKSM sepanjang 2017.

JTKSM beriltizam untuk memantapkan perkhidmatan yang ditawarkan kepada rakyat dalam melestarikan keharmonian perindustrian negara. Sinergi perkhidmatan dan impak penguatkuasaan ditonjolkan melalui semakan perundangan perburuhan serta perluasan akses penyampaian perkhidmatan yang berpaksikan rakyat. Tahun 2017 menyaksikan pindaan signifikan kepada Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 yang mengubah landasan perekrutan dan pengurusan agensi-agensi pekerjaan swasta seluruh negara. Pindaan ini relevan dengan perjuangan semasa kerajaan dalam membanteras pemerdagangan orang dan meningkatkan mutu perkhidmatan pekerjaan pekerja tempatan dalam dan juga luar negara. Semakan ke atas akta-akta perburuhan lain terutamanya Akta Kerja 1955 dijalankan secara berterusan dan JTKSM dalam usaha memastikan peruntukan perundangan adalan selari dengan keperluan industri semasa. Usahasama sinergi dengan agensi kerajaan lain diperlihatkan melalui pembukaan Pusat JobsMalaysia di dua Pusat Transformasi Bandar (UTC) iaitu di UTC Kota Bharu, Kelantan pada 12 Mac 2017 dan UTC Seremban, Negeri Sembilan pada 30 November 2017. Pendekatan yang sama diambil dalam penganjuran Kembara Kerjaya Train Ride 2.0 Zon Selatan 2017 hasil kerjasama di antara JTKSM, Keretapi Tanah Melayu Berhad dan kerajaan negeri pada Ogos 2017. Kepelbagaian sistem penyampaian perkhidmatan pekerjaan dan perburuhan kepada rakyat telah dipertingkatkan dengan pengenalan perkhidmatan bergerak *Mobile Labour Care* (MOLAC) di tempat-tempat awam yang merupakan satu usaha turun padang dan mendekati rakyat.

Prestasi yang membanggakan bagi tahun 2017 ini tidak mungkin dapat diperoleh tanpa kesungguhan dan kerjasama jitu warga JTKSM. Kejayaan ini adalah hasil semangat berpasukan dan budaya kerja cemerlang berterusan yang diamalkan oleh semua anggota Jabatan dan pastinya tidak akan berakhir di sini. Saya mengalu-alukan pencetusan transformasi minda dengan penerapan elemen inovasi dan kreativiti dalam semua bidang tugas yang mendatang serta memberi respon dengan cepat, cekap dan adil terhadap penyelesaian pertikaian perburuhan.

Semoga penerbitan ini memberi manafaat kepada industri perburuhan negara dan semua pembaca serta menjadi pencetus kepada warga JTKSM untuk terus melaksanakan amanah yang dipertanggungjawab dengan sebaik mungkin.

"Successful people are not gifted, they just work hard, then succeed on purpose"



Dato' Mohd Jeffrey Bin Joakim
Ketua Pengarah Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia

Successful people are not gifted, they just ***work hard****, then succeed on purpose*



Pengurusan Tertinggi



PUAN PAEZA BINTI ROSDI
Timbalan Ketua Pengarah
(Pengurusan Dan Pembangunan)
(Jusa C)

DATO' MOHD JEFFREY BIN JOAKIM
Ketua Pengarah Tenaga Kerja
Semenanjung Malaysia
(Jusa B)

ENCIK WAN ZULKFLI BIN WAN SETAPA
Timbalan Ketua Pengarah
(Operasi)
(Jusa C)

Pengarah Bahagian

ENCIK MUSTAFFA KAMAL BIN BAWAIHI
Pengarah Perkhidmatan Pekerjaan

"Memenuhi asprasi mengoptimumkan pekerjaan untuk rakyat".

ENCIK SAFIAN HAMZAH
Pengarah Perundangan dan Penguatkuasaan

"Penguatkuasaan perundangan perburuhan meningkatkan keharmonian perusahaan negara".

ENCIK WAN ISMAIL BIN WAN IBRAHIM
Pengarah Pekerja Asing

"Optimis menangani isu penggajian pekerja asing secara holistik dan menyeluruh".



ENCIK AMINUDDIN BIN AB. RAHAMAN
Pengarah Dasar dan Perancangan Strategik

"Menformulasi dasar dan hala tuju Jabatan berteraskan petunjuk prestasi (KPI) yang relevan dan memberi impak perkhidmatan kepada rakyat dengan berkesan".

PUAN WAN NURULHIDAYAH BINTI WAN SAMSUDIN
Pengarah Khidmat Pengurusan

"Telus, berakauntabiliti dan berhemat".

ENCIK RAHMAT BIN ISMAIL
Pengarah Standard Perburuhan

"Melestari pentadbiran perburuhan ke arah standard perhubungan industri yang mapan".





Perlindungan Hak Pekerja Dan Majikan Melalui Penguatkuasaan Undang-Undang Dan Standard Perburuhan



Pemeriksaan Berkanun

Pemeriksaan Berkanun merupakan aktiviti penguatkuasaan proaktif bertujuan untuk memastikan pematuhan undang-undang perburuhan oleh majikan serta jaminan perlindungan hak dan kebajikan pekerja.

Tujuan Pemeriksaan Berkanun

i. Meningkatkan tindakan pencegahan *(preventive action)* dan pembetulan *(corrective action)* dalam kalangan majikan terhadap pematuhan undang-undang dan standard perburuhan;

ii. Memberikan maklumat dan khidmat nasihat kepada majikan dan pekerja berkaitan keperluan mematuhi undang-undang; dan

iii. Memenuhi piawaian antarabangsa *Labour Inspection Convention* 1947 (No.81) *International Labour Organization* (ILO) yang telah menetapkan supaya agensi yang telah diberi kuasa menjalankan pemeriksaan ke tempat pekerjaan sekerap mungkin bagi memastikan pematuhan kepada undang-undang perburuhan negara. Malaysia telah meratifikasikan Konvensyen No.81 pada 1 Julai 1963.

Pemeriksaan dijalankan melalui **dua pendekatan** iaitu :-

01



Pemeriksaan dilakukan tanpa notis pemberitahuan

02



Pemeriksaan secara berkala yang dimaklumkan melalui notis pemberitahuan sekiranya perlu

Jadual 1 : Bilangan Pemeriksaan Mengikut Sektor Tahun 2017

Kod *MSIC	Sektor	Bilangan
A	Pertanian, Perhutanan & Perikanan	2,086
B	Perlombongan & Pengkuarian	199
C	Pembuatan	6,006
D	Bekalan Elektrik, Gas, Wap & Pendingin Udara	82
E	Bekalan Air, Pembentungan, Pengurusan Sisa & Aktiviti Pemulihan	99
F	Pembinaan	1,662
G	Perdagangan Borong & Runcit, Pembaikan Kenderaan Bermotor & Motosikal	10,340
H	Pengangkutan & Penyimpanan	626
I	Penginapan & Aktiviti Perkhidmatan Makanan & Minuman	3,033
J	Maklumat & Komunikasi	297
K	Aktiviti Kewangan & Insurans/Takaful	554
L	Aktiviti Hartanah	206
M	Aktiviti Profesional, Saintifik & Teknikal	767
N	Aktiviti Pentadbiran & Khidmat Sokongan	1,490
O	Pentadbiran Awam & Pertahanan; Aktiviti Keselamatan Sosial Wajib	1,767
P	Pendidikan	384
Q	Aktiviti Kesihatan Kemanusiaan & Kerja Sosial	608
R	Kesenian, Hiburan & Rekreasi	152
S	Aktiviti Perkhidmatan Lain	2,605
T	Aktiviti Isi Rumah Sebagai Majikan; Aktiviti Mengeluarkan Barangan Dan Perkhidmatan Yang Tidak Dapat Dibezakan Oleh Isi Rumah Untuk Kegunaan Sendiri	12
U	Aktiviti Badan Dan Pertubuhan Luar Wilayah	4
	Tidak Diklasifikasikan	13
Jumlah		**32,992**

Sumber : Labour Market Database (LMD)
*Nota : *MSIC - Malaysian Standard Industrial Classification 2008*



Pencapaian Pemeriksaan Berkanun Tahun 2017



Bilangan Pemeriksaan Berkanun Mengikut Negeri Tahun 2017



Sumber : Labour Market Database (LMD)

Semenanjung Malaysia meliputi W.P. Labuan tidak termasuk Sabah dan Sarawak

Bilangan Notis Pematuhan Dikeluarkan Mengikut Negeri Tahun 2017



Sumber : Labour Market Database (LMD)

Semenanjung Malaysia meliputi W.P. Labuan tidak termasuk Sabah dan Sarawak

Pemeriksaan Ladang

Pemeriksaan ladang dilaksanakan untuk mengesan dan mengenalpasti masalah-masalah dalam menyediakan perumahan dan kemudahan asas kepada pekerja selari dengan standard yang dikuatkuasakan mengikut Akta Standard-standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446). Aktiviti ini merupakan salah satu langkah penguatkuasaan yang berkesan untuk mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh pihak majikan dan pekerja ladang dalam menyelesaikan masalah yang berbangkit melalui perbincangan dengan pegawai-pegawai JTKSM.

Pemeriksaan ini juga meliputi semakan kelulusan pelan dan pembinaan perumahan dan Pusat Asuhan Kanak-Kanak (PAKK) bagi tujuan pengeluaran Sijil Kelayakan Menduduki.

Matlamat aktiviti ini ialah

- Memenuhi standard perumahan dan kemudahan asas pekerja ke arah infrastruktur yang lebih baik
- Memperbaiki taraf kehidupan dalam kalangan penduduk ladang untuk menarik lebih ramai rakyat tempatan bekerja di sektor perladangan
- Membendung penghijrahan pekerja tempatan yang bekerja di ladang ke kawasan-kawasan bandar
- Mengurangkan kebergantungan pekerja asing di sektor perladangan



Bilangan Pemeriksaan Ladang mengikut Negeri Tahun 2017



Sumber : Labour Market Database (LMD)

Semenanjung Malaysia meliputi W.P. Labuan tidak termasuk Sabah dan Sarawak

Jadual 2: Bilangan Pekerja Tempatan dan Asing Digajikan Secara Terus Di Sektor Perladangan Mengikut Negeri Tahun 2017

Bil	Negeri	Bilangan Pekerja		Jumlah
		Tempatan	Asing	
1	Johor	9,898	22,321	32,219
2	Pahang	7,890	19.206	27,096
3	Perak	8,694	10,351	19,045
4	Negeri Sembilan	3,417	5,986	9,403
5	Kelantan	3,600	5,054	8,654
6	Terengganu	3,860	4,346	8,206
7	Selangor	2,286	3,838	6,124
8	Kedah	2,757	2,939	5,696
9	Melaka	885	1,390	2,275
10	Perlis	334	0	334
11	Pulau Pinang	79	36	115
JUMLAH		**43,700**	**75,467**	**119,167**

Sumber : Labour Market Database (LMD)

Jadual 3 : Bilangan Pekerja Tempatan dan Asing Digajikan Oleh Kontraktor Di Sektor Perladangan Mengikut Negeri Tahun 2017

Bil	Negeri	Bilangan Kontraktor	Bilangan Pekerja		Jumlah
			Tempatan	Asing	
1	Johor	293	772	2,987	3,759
2	Pahang	287	371	2,796	3,167
3	Perak	198	530	1,695	2,225
4	Negeri Sembilan	127	392	851	1,243
5	Kedah	71	224	578	802
6	Terengganu	51	145	346	491
7	Kelantan	45	206	276	482
8	Selangor	55	97	468	465
9	Melaka	34	59	349	408
10	Perlis	6	3	219	222
11	Pulau Pinang	5	9	9	18
JUMLAH		**1,172**	**2,808**	**10,574**	**13,382**

Sumber : Labour Market Database (LMD)





Pengendalian Aduan

Pengendalian aduan perburuhan secara efektif dan cepat adalah antara matlamat yang telah digariskan dalam piagam pelanggan organisasi. JTKSM amat komited dalam memastikan pengendalian aduan yang diterima, disiasat dan diselesaikan dengan berkesan serta memuaskan hati pelanggan.

Aduan-aduan perburuhan ini diterima melalui pelbagai sumber iaitu *stakeholders,* Biro Pengaduan Awam, media massa, *Non-Government Organizations* (NGO's), Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM), laman sesawang JTKSM, surat, telefon, e-mel dan aduan melalui perkhidmatan kaunter.

Jadual 4 : Bilangan Kes Aduan Dikendali dan Diselesaikan Mengikut Negeri Tahun 2017

Negeri	Bilangan Kes Dikendali	Bilangan Kes Selesai	Peratus Kes Selesai (%)
Kelantan	124	121	97.6
Perlis	40	39	97.5
Terengganu	153	148	96.7
Pahang	182	176	96.7
Melaka	375	358	95.5
Pulau Pinang	245	231	94.3
Perak	413	389	94.2
Selangor	840	787	93.7
Negeri Sembilan	298	274	92.0
Kedah	260	236	90.8
Johor	551	546	90.1
W.P. Kuala Lumpur	501	426	85.0
W.P. Labuan	61	33	54.1
JUMLAH	**4,043**	**3,764**	**93.1**

Sumber : Labour Market Database (LMD)

Jadual 5 : Bilangan Kes Aduan Dikendali Mengikut Sumber Aduan Dan Negeri Tahun 2017

Negeri	Sumber Aduan					
	Hadir Sendiri	Telefon	e-mel	Laman Sesawang	Lain-Lain	Jumlah
Johor	424	46	31	2	48	551
Kedah	193	16	9	-	42	260
Kelantan	75	22	8	-	19	124
Melaka	346	10	9	-	10	375
Negeri Sembilan	243	2	12	1	40	298
Pahang	114	36	8	-	24	182
Pulau Pinang	179	6	25	1	34	245
Perak	312	9	16	1	75	413
Perlis	40	-	-	-	-	40
Selangor	585	17	105	2	131	840
Terengganu	106	34	4	-	9	153
W.P. Kuala Lumpur	413	8	36	9	35	501
W.P. Labuan	57	-	-	-	4	61
JUMLAH	**3,087**	**206**	**263**	**16**	**471**	**4,043**

Sumber : Labour Market Database (LMD)

Aduan Gangguan Seksual

Pengendalian aduan gangguan seksual adalah selaras dengan peruntukan Akta Kerja 1955 Bahagian XV A. Perlindungan gangguan seksual ini terpakai kepada semua pekerja yang diambil bekerja di bawah suatu kontrak perkhidmatan tanpa mengira jumlah upah. Peruntukan ini menetapkan agar setiap majikan menjalankan siasatan terhadap aduan gangguan seksual yang diterima. Sekiranya majikan enggan, pengadu yang tidak berpuas hati boleh merujuk perkara itu kepada JTKSM.

24 Aduan Gangguan Seksual Tahun 2017

42 Promosi Kesedaran Mencegah Dan Membasmi Gangguan Seksual Di Tempat Kerja

Sumber : Labour Market Database (LMD)

Permit Perburuhan

JTKSM boleh menimbang setelah siasatan dilakukan sebelum memutuskan untuk mengeluarkan kebenaran atau pengecualian daripada pemakaian peruntukan undang-undang buruh untuk seksyen-seksyen dan peraturan-peraturan tertentu melalui pemberian permit-permit perburuhan. Objektif pengeluaran permit perburuhan adalah untuk membantu industri mengoptimumkan penggunaan sumber manusia dan automasi bagi meningkatkan produktiviti di samping memelihara standard-standard perburuhan melibatkan kepentingan pekerja.

Permit-permit tersebut perlu dimohon oleh majikan berdasarkan undang-undang dalam Akta yang berkenaan. Melalui keputusan permit yang diberikan, JTKSM dapat memantau majikan bagi memastikan hak-hak pekerja tidak terabai dan dilindungi serta menepati standard-standard minimum yang ditetapkan.

Jenis- jenis **permit perburuhan** adalah:

- Membayar Gaji Lewat (Seksyen 19 Akta Kerja 1955)
- Pendahuluan Gaji (Seksyen 22 Akta Kerja 1955)
- Pengecualian Daripada Sekatan Kerja Malam Bagi Pekerja Wanita (Seksyen 34 Akta Kerja 1955)
- Mengumpul Cuti Rehat Mingguan [Seksyen 59(1) Akta Kerja 1955]
- Potongan Gaji (Seksyen 24 Akta Kerja 1955)
- Kebenaran Waktu Kerja Syif (Seksyen 60C Akta Kerja 1955)
- Bekerja Melebihi Sekatan Kerja Lebih Masa 104 jam sebulan [Seksyen 60A(4)(a) Akta Kerja 1955]
- Kelonggaran Waktu Kerja Biasa [Seksyen 60A (1A) Akta Kerja 1955]
- Menyimpan Daftar Di Ibu Pejabat (Peraturan 6, Peraturan-Peraturan Kerja 1957, Akta Kerja 1955)
- Menyimpan Daftar Dalam Bentuk Lain [Seksyen 61(3) Akta Kerja 1955]
- Kelulusan Skim Bayaran Insentif [Seksyen 60(I)(3) Akta Kerja 1955]
- Kebenaran Kanak-Kanak Dan Orang Muda Mengambil Bahagian Dalam Hiburan Awam [Seksyen 7(2) Akta (Penggajian)] Kanak-Kanak dan Orang Muda 1966.
- Kebenaran Orang Muda (Perempuan) Berumur Kurang Daripada 18 Tahun Bekerja di Kelab [Seksyen 2(3) Akta (Penggajian) Kanak-Kanak dan Orang Muda 1966]

Jadual 6: Permit Perburuhan yang telah dikeluarkan pada Tahun 2017

Jenis	Permohonan diterima	Tempoh Selesai		Dalam tindakan
		<7 Hari	>7 Hari	
Seksyen 24 Akta Kerja 1955 (Potongan Upah)	1,724	1,489	91	144
Seksyen 61 (3) Akta Kerja 1955 (Menyimpan Daftar)	578	518	37	23
Seksyen 34 Akta Kerja 1955 (Larangan Kerja Malam)	161	145	6	10
Seksyen 60A (4)(a) Akta Kerja 1955 (Had Kerja Lebih Masa)	142	129	5	8
Seksyen 60(i) Akta Kerja 1955 (Skim Insentif)	104	89	8	7
Akta (Penggajian) Kanak-Kanak dan Orang Muda 1966	99	87	1	11
Seksyen 22 Akta Kerja 1955 (Pendahuluan Upah)	37	34	1	2
Permit-permit di bawah undang-undang perburuhan lain	35	31	4	0
Seksyen 19 Akta Kerja 1955 (Masa bayaran upah)	30	29	0	1
Seksyen 60A (1) Akta Kerja 1955 (Kelonggaran Waktu Kerja)	17	14	1	2
Seksyen 59 (1B) Akta Kerja 1955 (Hari Rehat Hari Lain)	5	3	1	1
Seksyen 60C Akta Kerja 1955 (Kerja Syif)	4	2	2	0
JUMLAH	**2,936**	**2,570**	**157**	**209**

Sumber : Labour Market Database (LMD)

Siasatan Permohonan Pertukaran Majikan

Permohonan pertukaran majikan ini selaras dengan dasar kerajaan yang membenarkan pekerja asing bertukar kepada majikan lain sekiranya majikan asal menghadapi masalah untuk terus menggajikan pekerja mereka. JTKSM berperanan untuk menjalankan siasatan dan mengesyorkan permohonan pertukaran majikan yang memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Proses ini juga dirujuk kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) bagi kelulusan Pas Lawatan (Kerja Sementara) penempatan semula pekerja yang terlibat.

Antara sebab permohonan pertukaran majikan di buat adalah :



Proses Kerja Permohonan Pertukaran Majikan Pekerja Asing



Statistik Permohonan Pertukaran Majikan Mengikut Negeri Tahun 2017



Sumber : JTKSM

Semenanjung Malaysia meliputi W.P. Labuan tidak termasuk Sabah dan Sarawak

Jadual 7 : Statistik Pekerja Terlibat Dengan Permohonan Pertukaran Majikan Mengikut Warganegara Tahun 2017

Negeri	Warganegara											Jumlah
	BGD	VNM	IDN	IND	MMR	PAK	LKA	PHL	NPL	KHM	THA	
Johor	111	25	108	4	96	1	7	0	567	33	2	954
K.Lumpur	0	0	88	21	200	10	0	0	63	0	0	382
Selangor	22	2	39	59	57	1	1	26	1	120	2	331
Melaka	1	0	222	46	5	3	0	0	19	0	0	296
Perak	2	0	6	33	1	0	5	0	183	0	4	234
Kedah	0	7	109	0	56	0	0	0	49	0	0	221
N.Sembilan	0	22	10	13	48	0	0	0	46	0	0	139
P.Pinang	8	0	1	3	3	1	0	0	28	0	0	44
Pahang	0	0	1	5	0	0	0	0	0	0	0	6
Perlis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Terengganu	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Kelantan	0	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	2
W.P. Labuan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah	**144**	**56**	**586**	**184**	**466**	**16**	**13**	**26**	**956**	**153**	**8**	**2,609**

Petunjuk:
1. Bangladesh : BGD 2. Vietnam : VNM 3. Indonesia : IDN 4. India : IND 5. Myanmar : MMR 6. Pakistan : PAK 7.Sri Lanka : LKA
8. Filipina : PHL 9. Nepal : NPL 10. Kemboja : KHM 11. Thailand : THA

Sumber : JTKSM

Operasi Khas Penguatkuasaan

Operasi Penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh Pasukan Khas Penguatkuasaan (PKP) dilakukan secara konsisten sepanjang tahun. Untuk tahun 2017 keanggotaan PKP adalah seramai 27 orang dan jumlah operasi yang dijalankan pada tahun ini ialah sebanyak 1,134 operasi.

Pencapaian Pasukan Khas Penguatkuasaan Tahun 2017



Nota: KS - Kertas Siasatan
Sumber : JTKSM

Bilangan Operasi Penguatkuasaan PKP Mengikut Negeri Tahun 2017



Semenanjung Malaysia meliputi W.P. Labuan tidak termasuk Sabah dan Sarawak
Sumber : JTKSM



Operasi Penguatkuasaan PKP

Operasi Pasukan Khas Penguatkuasaan Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran

Akta Antipemerdagangan Orang 2007 bertujuan untuk membasmi isu pemerdagangan orang yang melibatkan warganegara dan bukan warganegara secara holistik. Pada tahun 2010, Akta ini telah dipinda dan dinamakan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 (Akta 670) (ATIPSOM). Penguatkuasaan Akta ini merangkumi 3 aspek iaitu pendakwaan, pencegahan dan perlindungan mangsa. Penguatkuasaan Akta 670 ini telah mengubah lanskap tanggungjawab JTKSM daripada pentadbir perburuhan kepada yang menguatkuasaan undang-undang sosial kepada undang-undang jenayah.

Untuk pencapaian tahun 2017 sebanyak 3 kes aduan ATIPSOM disiasat oleh JTKSM melibatkan 6 kertas siasatan telah dibuka. 1 kes telah disiasat di bawah Akta ATIPSOM 2007, walau bagaimanapun Timbalan Pendakwa Raya Jabatan Peguam Negara telah memutuskan untuk meminda pertuduhan terhadap Orang Kena Tuduh (OKT) di bawah Akta Imigresen 1959/63 dan OKT telah mengaku salah dan telah dijatuhkan hukuman denda sebanyak RM40,000.00, 2 kes sedang bicara manakala 3 kes telah dikategorikan tiada tindakan lanjut (*No Further Action* - NFA).

Jadual 8 : Pengendalian Kes ATIPSOM Tahun 2017

Bil	Negeri	Sumber Aduan	Isu	Hasil Siasatan	Tindakan
1	Melaka	Agensi Pekerjaan Swasta	Seorang pembantu rumah Indonesia telah disyaki didera dan tidak dibayar gaji	Kesalahan Seksyen 12 ATIPSOM	Majikan telah didakwa di Mahkamah pada 25/8/2017
2	Selangor	Kedutaan Indonesia	Seorang pembantu rumah Indonesia telah diperdagangkan sebagai pembantu rumah kepada 3 majikan	Kesalahan Seksyen 12 ATIPSOM	4 KS dibuka 1 Dakwa 3 KS di NFA - 1 majikan di Australia - 2 majikan lain tiada kes
3	Selangor	Kedutaan Indonesia	Tidak dibayar gaji dalam tempoh 4 tahun oleh majikan	Kesalahan Seksyen 55B Akta Imigresen	OKT mengaku salah dan didenda RM40,000

Sumber : JTKSM

Operasi Penguatkuasaan *1Visit-Policy*

Strategi Lautan Biru Kebangsaan *(National Blue Ocean Strategy)*, KSM melalui kerjasama agensi – agensi di bawahnya iaitu JTKSM, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB), dan Cawangan Kawal Selia dan Penguatkuasaan (CKSP) telah menjalankan operasi penguatkuasaan undang-undang perburuhan secara bersepadu yang dikenali *1Visit-Policy*.

Tugasan Jabatan/Agensi Yang Terlibat

JTKSM

- Menyemak rekod-rekod pekerja, gaji dan lain-lain dokumen penggajian pekerja
- Merakam percakapan saksi dan menyediakan kertas siasatan
- Memberikan khidmat nasihat perburuhan kepada majikan

PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD

- Menyemak rekod gaji dan daftar pekerja
- Membuat pendaftaran kepada majikan yang layak
- Memberi khidmat nasihat kepada majikan
- Menguatkuasakan Akta PSMB 2001

PERKESO

- Menyemak rekod daftar, caruman dan gaji pekerja
- Mengeluarkan kompaun kepada majikan yang melakukan pelanggaran Akta PERKESO 1969
- Memberi khidmat nasihat kepada majikan

Jadual 9 : Pencapaian *1Visit-Policy* Tahun 2017

Bil	Tarikh	Negeri	Bil Syarikat
1	18 Januari	Perak	18
2	27 Februari	Pahang	18
3	28 Mac	Terengganu	18
4	30 Mac	Kelantan	18
5	19 April	Selangor	18
6	26 April	W.P. Kuala Lumpur	18
7	24 Mei	Penang	18
8	26 Julai	Johor	18
9	1 November	Melaka	6
Jumlah			**150**

Sumber : JTKSM

Carta 1 : Hasil Operasi yang Dijalankan Tahun 2017





Operasi *1Visit-Policy* Di Melaka

Penguatkuasaan Gaji Minimum

Pelaksanaan Perintah Gaji Minimum 2016 di bawah Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732) telah dikuatkuasakan pada 1 Julai 2016. Gaji Minimum yang ditetapkan adalah sebanyak RM1,000.00 bagi Semenanjung Malaysia dan RM920.00 bagi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Jadual 10 : Kadar Perintah Gaji Minimum 2016

Kawasan wilayah	Kadar gaji minimum			
	Bulanan	Harian		Setiap jam
		Bilangan hari bekerja dalam seminggu		
Semenanjung Malaysia	RM1,000	6	RM38.46	RM4.81
		5	RM46.15	
		4	RM57.69	
Sabah, Sarawak & Wilayah Persekutuan Labuan	RM920.00	6	RM35.38	RM4.42
		5	RM42.46	
		4	RM53.08	

Sumber : JTKSM

Pemeriksaan Gaji Minimum Tahun 2017

Pada tahun 2017, sebanyak 22,654 pemeriksaan berkanun telah dijalankan terhadap tempat pekerjaan bagi memastikan majikan mematuhi Perintah Gaji Minimum 2016.

Pemeriksaan Gaji Minimum Tahun 2017



Sumber : JTKSM

Sebanyak 134 notis pematuhan telah dikeluarkan kepada majikan atas ketidakpatuhan terhadap perintah gaji minimum. Jumlah tersebut merupakan 0.6% daripada keseluruhan 22,654 pemeriksaan yang dijalankan sepanjang tempoh tersebut.

Jadual 11 : Pencapaian Pemeriksaan Berkanun Gaji Minimum Tahun 2017

Semenanjung Malaysia		
Sasaran		20,000
Bil. Pemeriksaan Gaji Minimum		22,654
Bilangan Pekerja	Pekerja Tempatan	561,296
	Pekerja Asing	139,338
Bilangan Majikan Yang Gagal Patuhi Gaji Minimum		**134 (0.6%)**

Sumber : Labour Market Database (LMD)

Pengendalian Aduan Gaji Minimum Mengikut Negeri Tahun 2017



Semenanjung Malaysia meliputi W.P. Labuan tidak termasuk Sabah dan Sarawak

Sumber : Labour Market Database (LMD)

Jadual 12 : Pengendalian Kes Buruh Tuntutan Gaji Minimum Tahun 2017

Negeri	Bil. Kes Difailkan	Amaun Tuntutan (RM)	Bil. Kes Selesai	Jumlah Perintah (RM)
Kedah	150	726,817.00	150	349,669.00
Perak	101	370,411.00	101	107,252.00
Kelantan	82	1,766,051.00	82	1,293,200.00
Pahang	71	263,408.00	71	54,769.00
Terengganu	56	288,067.00	56	176,293.00
Johor	46	176,159.00	46	11,000.00
Melaka	39	383,988.00	39	43,344.00
Selangor	37	347,806.00	37	103,837.00
Pulau Pinang	30	199,721.00	30	10,488.00
Perlis	16	65,332.00	16	0.00
Negeri Sembilan	13	73,216.00	13	56,688.00
W.P. Kuala Lumpur	13	99,335.00	13	45,908.00
W.P. Labuan	3	7,499.00	3	800.00
JUMLAH	**657**	**4,767,810.00**	**657**	**2,253,248.00**

Sumber : Labour Market Database (LMD)

Jadual 13 : Kes Buruh Tuntutan Gaji Minimum Mengikut Sektor Tahun 2017

Kod *MSIC	Sektor	Jumlah
A	Pertanian Dan, Perhutanan & Perikanan	14
B	Perlombongan & Pengkuarian	4
C	Pembuatan	39
D	Bekalan Elektrik, Gas, Wap & Pendingin Udara	1
E	Bekalan Air, Pembentungan, Pengurusan Sisa & Aktiviti Pemulihan	5
F	Pembinaan	53
G	Perdagangan Borong & Runcit, Pembaikan Kenderaan Bermotor & Motosikal	85
H	Pengangkutan & Penyimpanan	30
I	Penginapan & Aktiviti Perkhidmatan Makanan & Minuman	50
J	Maklumat & Komunikasi	3
K	Aktiviti Kewangan & Insurans/Takaful	10

sambungan...

Kod *MSIC	Sektor	Jumlah
L	Aktiviti Hartanah	0
M	Aktiviti Professional, Saintifik & Teknikal	15
N	Aktiviti Pentadbiran & Khidmat Sokongan	242
O	Pentadbiran Awam & Pertahanan; Aktiviti Keselamatan Sosial Wajib	37
P	Pendidikan	23
Q	Aktiviti Kesihatan Kemanusiaan & Kerja Sosial	20
R	Kesenian, Hiburan & Rekreasi	1
S	Aktiviti Perkhidmatan Lain	25
T	Aktiviti Isi Rumah Sebagai Majikan; Aktiviti Mengeluarkan Barangan & Perkhidmatan Yang Tidak Dapat Dibezakan Oleh Isi Rumah Untuk Kegunaan Sendiri	0
U	Aktiviti Badan & Pertubuhan Luar Wilayah	0
Jumlah		**657**

**Nota: MSIC - Malaysian Standard Industrial Classification*

Sumber : Labour Market Database (LMD)

Jadual14 : Kertas Siasatan Gaji Minimum Tahun 2017

Kertas Siasatan (KS)				
Diterima	**Izin Dakwa**	**Izin Kompaun**	***NFA/DNAA**	**Tindakan Pegawai Penyiasat**
119	95	0	14	10

**No Further Action/Discharge Not Amounting to Acquittal*

Sumber : JTKSM



Kertas Siasatan Gaji Minimum Mengikut Negeri Tahun 2017



Semenanjung Malaysia meliputi W.P. Labuan tidak termasuk Sabah dan Sarawak

Sumber : JTKSM

Jadual 15 : Kertas Siasatan Gaji Minimum Mengikut Sektor Tahun 2017

Kod *MSIC	Sektor	Bilangan Kertas Siasatan
C	Pembuatan	3
F	Pembinaan	17
G	Perdagangan Borong & Runcit, Pembaikan Kenderaan Bermotor & Motosikal	9
H	Pengangkutan & Penyimpanan	2
I	Penginapan Dan Aktiviti Perkhidmatan Makanan & Minuman	18
N	Aktiviti Pentadbiran Dan Khidmat Sokongan	30
P	Pendidikan	4
S	Aktiviti Perkhidmatan Lain	36
Jumlah		**119**

**Nota: MSIC - Malaysian Standard Industrial Classification*

Sumber : JTKSM

Jadual 16 : Pendakwaan Gaji Minimum Tahun 2017

Kertas Siasatan (KS)				
Izin dakwa	**Selesai**	**NFA/DNAA**	**Tindakan Pegawai Pendakwa**	**Jumlah Denda (RM)**
95	47	5	43	107,900.00

Sumber : JTKSM

Jadual 17 : Kertas Siasatan Pendakwaan Gaji Minimum Mengikut Negeri Tahun 2017

Negeri	Bilangan Kertas Siasatan (Izin Dakwa)	Selesai	NFA/DNAA	Tindakan Pegawai Pendakwa	Jumlah Denda (RM)
Johor	17	11	3	3	22,100
Kedah	16	2	0	14	25,200
Kelantan	15	9	0	6	14,500
Melaka	9	5	1	3	8,000
Negeri Sembilan	9	7	1	1	8,500
Pahang	9	6	0	3	11,000
Perak	6	1	0	5	2,500
Perlis	4	2	0	2	8,100
Pulau Pinang	4	3	0	1	3,000
Selangor	3	0	0	3	0.00
Terengganu	2	1	0	1	5,000
W.P. Kuala Lumpur	1	0	0	1	0.00
W.P. Labuan	0	0	0	0	0.00
Jumlah	**95**	**47**	**5**	**43**	**107,900.00**

Sumber : JTKSM

Autoriti Dibawah Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) 2001

Seksyen 28(1) Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001 (Akta 612) menyatakan hanya pegawai-pegawai yang menjawat jawatan awam sahaja boleh dilantik untuk menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan dan penyiasatan. Justeru itu, melalui perubahan status daripada badan berkanun kepada syarikat, pegawai-pegawai PSMB tidak mempunyai kuasa untuk menguatkuasakan Akta 612.

Pada tahun 2017, seramai 460 pegawai JTKSM bermula gred S29 hingga S54 telah dilantik sebagai Pegawai Yang Diberi Kuasa *(Authorized Officer)* bagi menjalankan siasatan dan penguatkuasaan di bawah Akta PSMB 2001.

Objektif pengesanan pendaftaran majikan di bawah Akta 612 melalui aktiviti pemeriksaan berkanun oleh JTKSM adalah:



Kewajipan majikan dalam mendaftar dan mencarum kepada PSMB akan memberi faedah kepada pekerja-pekerja untuk memperolehi latihan-latihan pembangunan kompetensi melalui program-program latihan khusus oleh PSMB.

Pada tahun 2017 JTKSM telah bekerjasama dengan PSMB dalam merangka *Standard Operating Procedure* (SOP) bagi melaksanakan Projek Perintis. Bagi fasa ini, pegawai JTKSM bertanggungjawab untuk mengemukakan borang-borang berkaitan pendaftaran di bawah Akta 612 semasa Notis Pemberitahuan Pemeriksaan dihantar kepada majikan yang akan dilawati. Di samping itu, lawatan pengesanan bagi fasa ini akan memberi fokus kepada sektor-sektor yang dikenalpasti tertakluk di bawah Akta 612.

JTKSM juga telah menjalankan Kursus Pemahaman Akta 612 dan Proses Kerja Pengesanan dan Pendaftaran Majikan PSMB Melalui Aktiviti Pemeriksaan Berkanun kepada 130 orang pegawai terlibat pada 30 November 2017. Selain itu, Bengkel Penambahbaikan Proses Kerja Aktiviti Pengesanan Majikan PSMB telah diadakan pada 12 dan 13 Disember 2017.

Kertas Siasatan

Kertas Siasatan (KS) merupakan dokumen terperingkat di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 yang disediakan oleh pegawai bertujuan untuk mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas majikan yang dikesan telah gagal mematuhi peruntukan undang-undang dan juga peraturan yang dikuatkuasakan oleh JTKSM. Mana-mana majikan yang dikesan telah gagal mematuhi undang-undang dan juga peraturan yang dikuatkuasakan JTKSM boleh dikenakan tindakan pendakwaan atau kompaun tertakluk kepada keizinan daripada Timbalan Pendakwa Raya (TPR).

Bagi tahun 2017, sebanyak 907 KS telah dirujuk kepada Pejabat Penasihat Undang-Undang JTKSM.

Jadual 18 : Pecahan Statistik Kertas Siasatan bagi tahun 2017

Kertas Siasatan (KS)				
Diterima	**Izin Dakwa**	**Izin Kompaun**	***NFA/DNAA**	**Tindakan Pegawai Penyiasat**
907	323	352	126	106

**No further action / Discharge Not Amounting to Acquittal*

Sumber : JTKSM

Jadual 19 : Pecahan Statistik Kertas Siasatan Mengikut Sektor Tahun 2017

Kod *MSIC	**Sektor**	**Bilangan Kertas Siasatan**
A	Pertanian, Perhutanan & Perikanan	25
B	Perlombongan & Pengkuarian	1
C	Pembuatan	142
F	Pembinaan	60
G	Perdagangan Borong & Runcit, Pembaikan Kenderaan Bermotor & Motosikal	110
H	Pengangkutan & Penyimpanan	20
I	Penginapan & Aktiviti Perkhidmatan Makanan & Minuman	115
N	Aktiviti Pentadbiran & Khidmat Sokongan	185
P	Pendidikan	12
S	Aktiviti Perkhidmatan Lain	237
Jumlah		**907**

**MSIC - Malaysian Standard Industrial Classification*

Sumber : JTKSM

Pecahan Kertas Siasatan Mengikut Negeri & Akta

Melalui rekod daftar KS, sebanyak **699** KS yang didaftarkan dibuka di bawah Akta Kerja 1955, **53** KS dibawah Akta Pampasan Pekerja 1952, **119** KS di bawah Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011, **18** KS di bawah Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981, **17** KS di bawah Kanun Keseksaan, dan **1** KS dibuka di bawah Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966.

Jadual 20 : Pecahan Kertas Siasatan Mengikut Negeri & Akta

Negeri	Pecahan Akta						
	Akta MPGN 2011	Akta Kerja 1955	Akta Pampasan Pekerja 1952	Akta APS 1981	Akta Kanak-Kanak & Orang Muda (Pekerjaan) 1966	Kanun Keseksaan	Jumlah Kertas Siasatan (KS)
Johor	21	165	19	0	0	2	207
Selangor	19	131	1	0	0	5	156
W.P. Kuala Lumpur	9	79	3	7	0	3	101
Perak	11	67	13	1	0	1	93
Melaka	19	42	6	9	1	4	81
Pulau Pinang	1	74	5	0	0	0	80
Negeri Sembilan	5	44	2	1	0	0	52
Kedah	10	30	2	0	0	0	42
Terengganu	12	22	1	0	0	1	36
Kelantan	3	21	0	0	0	1	25
Pahang	2	18	1	0	0	0	21
Perlis	4	4	0	0	0	0	8
W.P. Labuan	3	2	0	0	0	0	5
Jumlah	**119**	**699**	**53**	**18**	**1**	**17**	**907**

Sumber : JTKSM

Pendakwaan

Aktiviti pendakwaan dilaksanakan bertujuan untuk memastikan majikan mematuhi undang-undang perburuhan serta mengekang berlakunya kesalahan berulang di samping memelihara hak-hak pekerja.

Bagi tahun 2017, sebanyak 323 KS telah diberikan izin dakwa oleh TPR. Daripada jumlah tersebut, 163 KS adalah di bawah Akta Kerja 1955, 95 KS di bawah Akta MPGN 2011, 37 KS di bawah Akta Pampasan Pekerja 1952, 9 KS di bawah Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981, 1 KS di bawah Akta Kanak-Kanak Dan Orang Muda (Pekerjaan) 1966 dan 9 KS di bawah Kanun Keseksaan dengan jumlah denda keseluruhan sebanyak RM 361,000.00.

Jadual 21 : Pendakwaan Tahun 2017

Bil. KS Pendakwaan	Bil. Kes Berjaya Dakwa	Jumlah Denda (RM)	Tindakan Pegawai Pendakwa	NFA/DNAA
323	126	361,000.00	171	26

Sumber : JTKSM

Jadual 22 : Kertas Siasatan Pendakwaan Yang Berjaya Dakwa Mengikut Sektor Tahun 2017

Kod *MSIC	Sektor	Bilangan Kertas Siasatan
A	Pertanian, Perhutanan & Perikanan	8
C	Pembuatan	33
F	Pembinaan	37
G	Perdagangan Borong & Runcit, Pembaikan Kenderaan Bermotor & Motosikal	35
H	Pengangkutan & Penyimpanan	6
I	Penginapan & Aktiviti Perkhidmatan Makanan & Minuman	35
N	Aktiviti Pentadbiran & Khidmat Sokongan	150
P	Pendidikan	5
S	Aktiviti Perkhidmatan Lain	14
Jumlah		**323**

**MSIC - Malaysian Standard Industrial Classification*

Sumber : JTKSM

Jadual 23 : Pecahan Kes Berjaya Dakwa Mengikut Negeri & Akta Tahun 2017

Negeri	Bil. Kes Berjaya Dakwa	Akta			Jumlah Denda (RM)
		MPGN	Akta Kerja	Lain- lain Akta	
Selangor	83	16	56	11	149,000.00
Johor	59	15	26	18	69,250.00
Melaka	44	17	15	12	47,600.00
Perak	36	9	18	9	40,950.00
Negeri Sembilan	26	4	20	2	12,300.00
W.P. Kuala Lumpur	20	6	11	3	2,500.00
Kedah	20	9	8	3	16,900.00
Terengganu	12	9	1	2	9,500.00
Kelantan	7	2	4	1	7,500.00
Pahang	5	0	4	1	0.00
P.Pinang	4	1	0	3	2,500.00
Perlis	4	4	0	0	3,000.00
W.P. Labuan	3	3	0	0	0.00
Jumlah	**323**	**95**	**163**	**65**	**361,000.00**

Sumber : JTKSM

Kompaun

Pada tahun 2017 sebanyak **254** majikan telah dikompaun dengan bilangan tawaran kompaun sebanyak **446** melibatkan jumlah denda **RM669,000.00**. Mana-mana majikan yang gagal menjelaskan kompaun dalam tempoh masa yang ditetapkan akan diambil tindakan pendakwaan.

Jadual 24 : Bilangan Kompaun Mengikut Negeri Tahun 2017

Negeri	Bil. Syarikat	Bil. KS Kompaun	Bil. Tawaran Kompaun	Jumlah Denda (RM)
Johor	67	100	119	178,500.00
W.P. Kuala Lumpur	35	62	79	118,500.00
Selangor	30	36	70	105,000.00
Pulau Pinang	36	60	55	82,500.00
Melaka	18	20	40	60,000.00
Perak	18	18	21	31,500.00
Kedah	15	18	20	30,000.00
Terengganu	15	17	17	25,500.00
Kelantan	10	10	11	16,500.00
Pahang	5	6	7	10,500.00
Negeri Sembilan	2	2	4	6,000.00
W.P. Labuan	2	2	2	3,000.00
Perlis	1	1	1	1,500.00
Jumlah	**254**	**352**	**446**	**669,000**

Sumber : JTKSM

Jadual 25 : Pecahan Statistik Kertas Siasatan Kompaun Mengikut Sektor Tahun 2017

Kod *MSIC	Sektor	Bilangan Kertas Siasatan
A	Pertanian, Perhutanan & Perikanan	8
C	Pembuatan	45
F	Pembinaan	30
G	Perdagangan Borong & Runcit, Pembaikan Kenderaan Bermotor & Motosikal	74
H	Pengangkutan & Penyimpanan	3
I	Penginapan & Aktiviti Perkhidmatan Makanan & Minuman	62
N	Aktiviti Pentadbiran & Khidmat Sokongan	54
P	Pendidikan	4
S	Aktiviti Perkhidmatan Lain	72
Jumlah		352

**MSIC - Malaysian Standard Industrial Classification*

Sumber : JTKSM



"rule against bias"

"right to a fair hearing"



Pengurusan Kes Buruh

Kes buruh dikendalikan di bawah Seksyen 69 Akta Kerja 1955 (Akta 265). Perbicaraan kes buruh dikendalikan di Mahkamah Buruh bagi tuntutan kewangan oleh pekerja dan juga pihak majikan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta 265. Terdapat juga tuntutan bukan kewangan dikendalikan sebagai kes buruh di bawah Seksyen 69(3) Akta 265. Prinsip keadilan asasi yang mengandungi dua elemen iaitu: *"right to a fair hearing" ("audi alteram partem")* dan *"rule against bias" ("nemo judex in causa sua")* sangat dititik beratkan dalam pengendalian kes buruh.

Audit dalaman ke atas aktiviti pengendalian kes buruh juga dilaksanakan untuk memastikan pengendalian kes buruh mengikut landasan undang-undang dan prosedur yang telah ditetapkan sebagaimana peruntukan Seksyen 70(b) dan Seksyen 71 Akta Kerja 1955 iaitu penyediaan dan perekodan keterangan kes di dalam Buku Kes, semakan proses rayuan perintah Mahkamah Buruh selaras dengan peruntukan Kaedah-kaedah Mahkamah 2012, semakan pengendalian penguatkuasaan perintah Mahkamah Buruh selaras dengan peruntukan Seksyen 75 Akta Kerja 1955 dan Kaedah-kaedah Mahkamah 2012 serta semakan fail/daftar kes buruh secara terperinci supaya tiada pertikaian, aduan atau tohmahan oleh pihak-pihak yang terlibat terhadap pegawai pengendali kes.

Unit Kes Buruh telah mengambil inisiatif untuk menyusun dan mewujudkan Panduan Buku Kes Buruh sebagai rujukan kepada pegawai-pegawai di JTKSM.



Jenis-Jenis Tuntutan Kes Buruh Di Bawah Akta Kerja 1955

Seksyen 69



1. Kelayakan
   - Pekerja bergaji RM2,000.00 dan ke bawah

2. Jenis tuntutan
   - baki gaji;
   - gaji ganti notis;
   - bayaran kerja lebih masa;
   - faedah penamatan; dan
   - faedah-faedah lain yang dinyatakan

Seksyen 69B



1. Kelayakan
   - Pekerja bergaji melebihi RM2,000.00 hingga RM5,000.00

2. Jenis tuntutan
   - Tuntutan berbentuk kewangan yang dinyatakan dalam terma dan syarat kontrak perkhidmatan yang ditandatangani oleh kedua-dua pihak
   - Contoh tuntutan adalah elaun, komisen, elaun bersalin

Seksyen 69C



1. Kelayakan
   - Majikan membuat tuntutan gaji ganti notis

2. Jenis tuntutan
   - Bayaran gaji ganti notis bagi notis penamatan yang tidak dipatuhi oleh pekerja

Jadual 26 : Pengendalian Kes Buruh Mengikut Negeri Tahun 2017

Negeri	Bil. Kes Kendali	Bil. Kes Selesai	Bil. Pekerja Terlibat	Jumlah Perintah (RM)
Selangor	4,133	3,723	7,895	869,515
W.P. Kuala Lumpur	1,636	1,350	2,663	67,917
Perak	1,312	1,149	3,639	2,206,060
Johor	1,235	1,161	2,547	86,786
Pulau Pinang	938	809	1,984	944,333
Pahang	917	835	3,213	1,728,702
Kedah	798	671	3,445	1,625,141
Melaka	756	662	1,838	850,902
Negeri Sembilan	730	622	1,488	963,661
Terengganu	364	329	1,118	19,692,532
Kelantan	268	253	3,575	4,992,380
Perlis	66	53	527	6,861,928
W.P. Labuan	33	30	100	1,051,092
JUMLAH	**13,186**	**11,647**	**34,032**	**41,940,949**

Sumber : Labour Market Database (LMD)

Jadual 27 : Statistik Kes Buruh Mengikut Negeri Dan Tempoh Masa Pengendalian Tahun 2017

Negeri	Bil. Kes Kendali	Bil. Kes Diselesaikan (Hari)				Bil. Kes Belum Selesai
		Bil. Selesai	< 60 hari	60 > 90 hari	> 91 hari	
Selangor	4,133	3,723	2922	457	344	410
W.P. Kuala Lumpur	1,636	1,350	901	229	220	286
Perak	1,312	1,149	828	203	118	163
Johor	1,235	1,161	944	204	13	74
Pulau Pinang	938	809	545	135	129	129
Pahang	917	835	644	111	80	82
Kedah	798	671	494	89	88	127
Melaka	756	662	437	98	127	94
Negeri Sembilan	730	622	447	93	82	108
Terengganu	364	329	289	26	14	35
Kelantan	268	253	232	19	2	15
Perlis	66	53	32	11	10	13
W.P Labuan	33	30	24	2	4	3
JUMLAH	**13,186**	**11,647**	**8,739**	**1,677**	**1,231**	**1,539**

Sumber : Labour Market Database (LMD)

Rayuan Perintah Kes Buruh Ke Mahkamah Tinggi Tahun 2017



Sumber : Labour Market Database (LMD)

Bagi **tahun 2017,** hanya **51** kes buruh **(0.43%)** daripada **11,647** kes selesai telah dibuat tindakan rayuan di Mahkamah Tinggi selaras Kaedah-kaedah Mahkamah 2012. Ini menunjukkan kes-kes yang diputuskan oleh pegawai di Mahkamah Buruh tidak dicabar kerana penghakiman yang dibuat amat teliti, berkualiti, mengikut prosedur dan alasan penghakiman yang dibuat adalah berdasarkan prinsip keadilan sejagat dan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.





Perlindungan Sosial Dan Pendidikan Perburuhan



Pengurusan Pemberhentian Pekerja

Faktor kemelesetan ekonomi, kerugian dalam perniagaan atau masalah kewangan, menyebabkan sesebuah perusahaan sering mengambil keputusan bagi melakukan penstrukturan semula untuk perniagaan terus mapan, kekal berdaya saing dan produktif serta relevan di dalam industri yang diceburi. Keadaan ini juga membawa kepada pengecilan operasi yang mengakibatkan tindakan pemberhentian ke atas pekerja yang dianggap sebagai lebihan di dalam perusahaan tersebut.

Garis Panduan Pengurusan Pemberhentian Pekerja yang diterbitkan oleh JTKSM menggariskan tatacara tindakan pemberhentian pekerja dan penamatan kontrak perkhidmatan akibat lebihan pekerja yang disebabkan oleh penutupan syarikat, penyusunan semula syarikat, pengurangan pengeluaran, penggabungan syarikat, perubahan teknologi, pengambilalihan syarikat, dan kegawatan ekonomi.

Jenis-Jenis Pemberhentian Pekerja Di Bawah Skop JTKSM

Ketua Pengarah Tenaga Kerja melalui kuasa yang diperuntukkan kepadanya di bawah Seksyen 63, Akta Kerja 1955 dan Pemberitahuan Pemberhentian Pekerja 2004, telah menetapkan empat jenis pemberhentian dan tindakan yang perlu dilaporkan kepada JTKSM seperti berikut:-



i. **Pemberhentian Tetap *(Retrenchment)***

Pemberhentian Tetap adalah tindakan penamatan kontrak oleh majikan ke atas pekerja kerana syarikat mengalami masalah kewangan ataupun melakukan penstrukturan semula perniagaan mengakibatkan berlakunya lebihan tenaga kerja.

Pekerja yang diberhentikan akan dibayar faedah penamatan sekiranya layak sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Peraturan-peraturan Kerja (Faedah-faedah Penamatan dan Rentikerja Sentara), 1980 atau mengikut perjanjian bersama *(collective agreement).*



ii. Pemberhentian Secara Sukarela *(Voluntary Separation Scheme - VSS)*

Pemberhentian Secara Sukarela (VSS) bermaksud majikan berhasrat untuk mengurangkan pekerja tetapi dengan cara mempelawa pekerja memohon untuk berhenti secara sukarela. Pada kebiasaannya pekerja akan ditawarkan faedah penamatan atau pampasan yang lebih baik daripada peruntukan undang-undang. Walau bagaimanapun keputusan untuk membenarkan penamatan kontrak secara sukarela adalah terletak di tangan majikan.

Tindakan-tindakan seperti *Mutual Separation Scheme* (MSS) dan *Rationalisation Scheme* pula mempunyai konsep yang hampir sama namun membawa maksud yang berbeza dengan VSS. MSS adalah suatu tindakan yang dipersetujui oleh kedua-dua majikan dan pekerja untuk menamatkan perkhidmatan dengan penyelesaian 'menang-menang' diantara pekerja dan majikan. *Rationalisation Scheme* pula adalah tindakan yang terbit daripada keputusan majikan untuk menutup atau menjual sebahagian operasi perniagaan bagi menstruktur semula perniagaan agar lebih berdaya saing dan efisyen. Tindakan ini juga boleh membawa kepada tindakan penamatan pekerja sekiranya lebihan pekerja berlaku atau bagi mengurangkan kos operasi. Kedua-dua tindakan MSS dan *Rationalisation Scheme* ini walau bagaimanapun, masih perlu dilaporkan kepada JTKSM.



iii. Rentikerja Sentara *(Temporary Lay-Off)*

Tindakan Rentikerja Sentara atau *temporary lay-off* berlaku apabila:-

a) majikan tidak memberi kerja sekurang-kurangnya 12 hari kerja biasa dalam tempoh 4 minggu berturut-turut (Peraturan 5(1)(a), Peraturan-peraturan Kerja (Faedah-faedah Penamatan dan Rentikerja Sentara), 1980); atau

b) majikan tidak membayar gaji sekurang-kurangnya 12 hari kerja biasa dalam tempoh 4 minggu berturut-turut (Peraturan 5(1)(b), Peraturan-peraturan Kerja (Faedah-faedah Penamatan dan Rentikerja Sentara), 1980).

Sekiranya kedua-dua situasi di atas berlaku, maka majikan hendaklah membayar faedah rentikerja sentara kepada pekerja.



iv. Pengurangan Gaji *(Pay-cut)*

Selain daripada tiga jenis pemberhentian di atas, pengurangan gaji adalah suatu tindakan lain yang perlu dilaporkan kepada JTKSM dengan menggunakan borang Pemberitahuan Pemberhentian Pekerja 2004 atau lebih dikenali sebagai Borang PK.

Peruntukan Undang-Undang Berkaitan Pemberhentian Pekerja Di Bawah Akta Kerja 1955

Perlindungan kepada pekerja-pekerja yang akan dan telah diberhentikan tertakluk kepada peruntukan-peruntukan di bawah Akta Kerja 1955 seperti berikut:-

i. **Seksyen 63, Akta Kerja 1955**
Melaporkan cadangan pemberhentian dengan mengemukakan Borang Pemberhentian (PK) dalam tempoh tiga puluh (30) hari sebelum pemberhentian dilakukan sebagaimana Seksyen 63 Akta Kerja 1955.

ii. **Seksyen 12 (2), Akta Kerja 1955**
Majikan hendaklah memberikan notis atau membayar gaji ganti notis yang mencukupi kepada pekerja mengikut kontrak perkhidmatan tetapi tidak boleh kurang daripada yang ditetapkan di bawah Seksyen 12 (2) Akta Kerja 1955.

iii. **Peraturan-Peraturan Kerja (Faedah-Faedah Penamatan dan Rentikerja Sentara) 1980**
Majikan diwajibkan membayar faedah pemberhentian kerja mengikut kontrak perkhidmatan tetapi tidak boleh kurang daripada kadar yang telah ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan Kerja (Faedah-Faedah Penamatan dan Rentikerja Sentara) 1980.laitu:-

a) 10 hari gaji bagi setiap tahun pengagajian sekiranya telah bekerja dalam tempoh kurang dari 2 tahun;
b) 15 hari gaji bagi setiap tahun penggajian sekiranya telah bekerja dalam tempoh 2 tahun hingga kurang 5 tahun; dan
c) 20 hari gaji bagi setiap tahun penggajian sekiranya telah bekerja dalam tempoh 5 tahun atau lebih.

iv. **Seksyen 60M, Akta Kerja 1955**
Seksyen 60M, memperuntukkan tiada majikan boleh menamatkan perkhidmatan pekerja tempatan dengan tujuan mengambil kerja seseorang pekerja asing.

v. **Seksyen 60N, Akta Kerja 1955**
Seksyen 60N menyatakan sekiranya majikan dikehendaki mengurangkan tenaga kerjanya oleh sebab lebihan pekerja yang memerlukan pengurangan pekerja, maka majikan tidaklah boleh menamatkan perkhidmatan seseorang pekerja tempatan melainkan pekerja asing dalam kategori perkerjaan yang sama ditamatkan terlebih dahulu. Prinsip LIFO *(last-in-first-out)* terutama dalam kes pemberhentian pekerja tempatan.

vi. **Seksyen 69 dan Sekyen 69B, Akta Kerja 1955**
Mana-mana pekerja samada pekerja tempatan atau asing yang terlibat dengan pemberhentian boleh mengemukakan tuntutan bagi faedah-faedah kewangan yang dinafikan oleh majikan melalui tuntutan kes di bawah Seksyen 69 dan 69B di Mahkamah Buruh, JTKSM

vii. **Penalti (Seksyen 99A, Akta Kerja 1955)**
Kegagalan majikan untuk mematuhi peruntukan undang-undang yang ada adalah melakukan satu kesalahan atau melanggar peruntukan akta, apabila disabitkan, denda tidak melebihi RM10,000 bagi setiap kesalahan.

Pemberhentian Pekerja Tahun 2017

Jumlah pemberhentian pekerja bagi tahun 2017 adalah seramai 35,097 orang yang melibatkan seramai 3,938 orang (11.2%) bagi Pemberhentian Sukarela (VSS) dan 31,159 orang (88.8%) bagi Pemberhentian Biasa. Majoriti pemberhentian melibatkan pekerja tempatan iaitu seramai 32,055 orang (91.3%) manakala 3,042 orang (8.7%) merupakan pekerja asing.

Pada tahun 2017 pemberhentian tertinggi berlaku dalam sektor Pembuatan sebanyak 25,370 orang (72.3%), diikuti oleh sektor Penginapan dan Aktiviti Perkhidmatan Makanan dan Minuman sebanyak 1,470 orang (4.2%) dan sektor Perdangangan Borong dan Runcit sebanyak 1,275 orang (3.6%) serta Kewangan dan Insurans/Takaful sebanyak 1,210 orang (3.4%). Ini sedikit sebanyak menunjukkan persamaan dengan trend pemberhentian pada tahun 2016, kecuali bagi sektor Pembuatan yang menunjukkan peningkatan signifikan dan sektor Penginapan dan Aktiviti Perkhidmatan Makanan dan Minuman yang didominasi isu pengambilalihan Hotel Renaissance Kuala Lumpur.

Jadual 28 : Pemberhentian Pekerja Mengikut Jenis Pemberhentian dan Sektor Tahun 2017

Sektor	Pemberhentian Biasa	Pemberhentian Sukarela	Jumlah
Pembuatan	23,804	1,566	25,370
Penginapan Dan Aktiviti Perkhidmatan Makanan Dan Minuman	1,285	191	1,476
Perdagangan Borong Dan Runcit, Pembaikan Kenderaan Bermotor Dan Motosikal	1,225	50	1,275
Aktiviti Kewangan Dan Insuran / Takaful	832	378	1,210
Perlombongan Dan Pengkuarian	956	31	987
Maklumat Dan Komunikasi	182	676	858
Aktiviti Pentadbiran Dan Khidmat Sokongan	693	117	810
Pengangkutan Dan Penyimpanan	493	173	666
Pentadbiran Awam Dan Pertahanan; Aktiviti Keselamatan Sosial Wajib	419	217	636
Aktiviti Professional, Saintifik Dan Teknikal	407	124	531
Pendidikan	247	257	504
Pertanian, Perhutanan Dan Perikanan	220	36	256
Jumlah	**31,159**	**3,938**	**35,097**

Sumber: Labour Market Database (LMD)

Perbandingan mengikut kumpulan pekerjaan pula mendapati bahawa majoriti pemberhentian adalah melibatkan kumpulan Operator Mesin dan Loji dan Pemasang seramai 11,113 orang (31.7%). Ini diikuti oleh kumpulan Profesional seramai 6,852 orang (19.5%), Juruteknik seramai 6,173 orang (17.6%), Pengurus seramai 3,826 orang (10.9%), Pekerja Jurujual seramai 2,966 orang (8.5%) dan Perkeranian seramai 2,559 orang (7.3%).

Carta 2 : Pemberhentian Pekerja Mengikut Kumpulan Pekerjaan Tahun 2017



Sumber: Labour Market Database (LMD)

Trend pemberhentian pekerja mengikut bulan menunjukkan bilangan pemberhentian biasa adalah lebih tinggi berbanding VSS kecuali bagi keseluruhan tahun 2016. Walaupun demikian, jumlah pemberhentian bagi tahun 2017 adalah lebih rendah (35,097 orang) berbanding tahun 2016 (37,699 orang).

Carta 3: Pemberhentian Pekerja Mengikut Bulan Tahun 2017



Sumber: Labour Market Database (LMD)

Analisis Pemberhentian Pekerja sejak Tahun 1997

Analisis terhadap trend pemberhentian pekerja dan kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi tempoh 1997 hingga 2017 menunjukkan terdapat perkaitan antara jumlah pemberhentian dengan kegawatan ekonomi. Pemberhentian tertinggi seramai 83,865 orang berlaku pada tahun 1998 berikutan krisis kewangan Asia, diikuti pada tahun 2008 dengan pemberhentian seramai 47,145 orang dan tahun 2009 dengan pemberhentian seramai 65,516 orang semasa krisis Sub Prima Amerika Syarikat.

Walaupun negara mencatatkan pertumbuhan KDNK yang memberangsangkan pada tahun 2015 iaitu pada kadar 5.0%, bilangan pemberhentian pekerja pada tahun tersebut adalah agak tinggi iaitu 44,343 orang. Pertumbuhan KDNK bagi tahun 2016 adalah 4.2% yang mana lebih rendah berbanding tahun 2015. Walaupun KDNK tahun 2016 adalah lebih rendah daripada tahun 2015, jumlah pemberhentian bagi tahun tersebut sebanyak 37,699 pekerja juga adalah 15% lebih rendah berbanding tahun 2015. Manakala pertumbuhan KDNK pada tahun 2017 pula menunjukkan peningkatan yang ketara iaitu 5.4% berbanding tahun 2016. Jumlah pemberhentian tahun 2017 pula dilihat semakin menurun iaitu 35,097 pekerja atau 6.9% kadar penurunannya berbanding 2016.

Carta 4 : Pemberhentian Pekerja, Pertumbuhan KDNK dan Kadar Pengangguran Mengikut Tahun



Sumber: Jabatan Perangkaan dan JTKSM

Purata 3,000 hingga 4,000 pekerja hilang pekerjaan dalam satu-satu bulan dilaporkan kepada JTK saban tahun walaupun dalam keadaan ekonomi yang pada amnya bertumbuh dengan pesat. Mengikut rekod JTK, bagi tempoh 2015 hingga 2017 menunjukkan penurunan bilangan pekerja yang diberhentikan. Trend tersebut tidak menunjukkan keadaan yang luar biasa dalam tempoh setengah penggal pertama Rancangan Malaysia ke-11.

Tindakan JTKSM Berhubung Isu Pemberhentian Pekerja

Selain pemantauan melalui peruntukan undang-undang dan garis panduan, JTKSM juga melaksanakan pemantauan pemberhentian pekerja melalui bilik gerakan di peringkat negeri dan nasional. Pihak majikan dikehendaki memaklumkan JTKSM jika ingin melaksanakan pemberhentian pekerja, 30 hari sebelum pemberhentian dilaksanakan. JTKSM juga mengambil tindakan libat urus dengan majikan untuk membincangkan mengenai bayaran pampasan dan mengurangkan impak kehilangan pekerjaan. JTKSM juga turut membantu penempatan semula pekerja-pekerja ke dalam pekerjaan baharu.



Pengurusan Penyediaan Perumahan Dan Kemudahan Pekerja Ladang

JTKSM bertanggungjawab menguatkuasakan memberi perlindungan perumahan dan kemudahan pekerja ladang melalui Akta Standard-Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446) yang menggariskan standard-standard dan spesifikasi minimum perumahan, kemudahan kesihatan, pusat asuhan kanak-kanak dan kemudahan-kemudahan lain bagi pekerja dan tanggungan mereka. Akta 446 terpakai di Semenanjung Malaysia dan tertakluk kepada ladang-ladang yang berkeluasan melebihi 20 hektar tanpa jenis tanaman dan memerlukan pekerja yang tinggal di dalam kawasan ladang. Majikan yang menyediakan perumahan dan kemudahan-kemudahan pekerja dikehendaki mematuhi standard dan spesifikasi yang telah ditetapkan di bawah Akta 446 untuk memberi standard kemudahan yang berkualiti dan lebih selesa.

Bilangan Ladang Yang Mempunyai Perumahan Berbanding Bilangan Keseluruhan Ladang Mengikut Negeri Tahun 2017



Sumber :Labour Market Database (LMD)

Di Antara kemudahan-kemudahan di bawah **Akta 446** ialah :



Rumah Pekerja mengikut standard



Bekalan elektrik



Bekalan air



Kemudahan jalan penghubung



Pusat asuhan kanak-kanak



Kemudahan sukan dan rekreasi



Dewan komuniti



Hospital / Klinik ladang



Tempat beribadat



Tanah untuk tanaman dan ragut

Profil Ladang Tahun 2017



Ladang
1,631
Bilangan ladang ada rumah
1,230



Rumah
50,450



Kontraktor Ladang
1,172



Pusat Asuhan Kanak-Kanak
Bilangan
184



Hospital / Klinik
Klinik
446
Hospital
1



Bilangan ladang mempunyai Jalan Berturap
505
Bilangan ladang mempunyai Jalan tidak berturap
527



Bekalan Elektrik
798 majikan sediakan bekalan
Sumber Awam
500
Sumber sendiri
298



Bekalan Air Bersih
876 majikan sediakan bekalan
Sumber Awam
452
Sumber sendiri
424



Tempat Beribadat
1,725
Masjid - 935
Kuil - 590
Tokong - 153
Gereja - 47

Skim Khas Pembiayaan Rumah Pekerja Estet (SKRE)

Skim Pembiayaan Rumah Pekerja Estet (SKRE) merupakan projek di bawah Rancangan Malaysia ke sepuluh (RMK-10) kerajaan telah memperuntukkan dana pusingan *(revolving fund)* sebanyak RM50 juta untuk pembiayaan perumahan. Kemudahan pembiayaan ini mampu merealisasikan serta meningkatkan pemilikan rumah dalam kalangan pekerja estet tempatan.

Bagi mencapai hasrat ini, JTKSM bertanggungjawab sebagai agensi pelaksana projek ini manakala Bank Simpanan Nasional (BSN) bertindak sebagai agensi yang menguruskan hal pembiayaan dengan berkonsepkan pinjaman mudah *(soft loan)*.

Secara asasnya, SKRE diperkenalkan untuk :

i. Menjamin kebajikan sosial dan meningkatkan taraf hidup pekerja estet tempatan dengan menyediakan kemudahan pemilikan rumah sendiri; dan

ii. Menarik minat pekerja tempatan terutama golongan belia untuk bekerja di sektor perladangan sekaligus mengurangkan kebergantungan negara kepada guna tenaga asing

Sepanjang tahun 2011 hingga 2017, sebanyak 459 permohonan telah diterima dan sebanyak 176 permohonan telah diluluskan dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM10,434,160.00.

Carta 5 : Bilangan Kelulusan SKRE Tahun 2011 hingga 2017



Sumber: JTKSM

Bilangan Permohonan, Kelulusan Dan Jumlah Pembiayaan Skim Khas Pembiayaan Rumah Pekerja Estet (SKRE) Tahun 2017



Jumlah Pembiayaan
RM5,552,917



168
Permohonan



62
Bilangan Permohonan Lulus

Sumber: JTKSM



Ciri-ciri skim ini adalah seperti berikut;	
i	Menawarkan pakej pembiayaan / pinjaman perumahan secara konvensional
ii	Kadar pinjaman yang tetap 2.00% setahun atas baki bulanan pada keseluruhan tempoh pinjaman / pembiayaan
iii	Tempoh pembiayaan sehingga 35 tahun
iv	Pinjaman menjangkau generasi kedua

JTKSM juga menjalinkan hubungan kerjasama strategik dengan agensi kerajaan pusat dan kerajaan negeri bagi memberi keutamaan kepada pekerja ladang mendapatkan peruntukan perumahan kos rendah yang dibiayai di bawah Program SKRE.



Lawatan Pegawai JTKSM ke Perumahan SKRE

Penginapan Berpusat Pekerja Asing

Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin (JKKPA-PATI) Kali Ke-14 Bil. 2/2015 pada 18 Ogos 2015 telah memutuskan bahawa setiap majikan yang menggajikan pekerja asing adalah wajib menyediakan kemudahan penginapan mengikut garis panduan yang ditetapkan bermula pada Januari 2016.

Selaras dengan keputusan itu, KSM telah menyediakan Garis Panduan Penetapan Standard Minimum Penginapan Pekerja Asing dan dikuatkuasakan oleh JTKSM. Garis panduan ini adalah selaras dengan kehendak Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UKBS 1984) dan berlandaskan kepada *Recommendation* 115 *(Workers Housing Recommendation 1961)* Pertubuhan Buruh Antarabangsa.

Garis panduan ini adalah terpakai kepada semua sektor yang dibenarkan untuk penggajian pekerja asing kecuali sektor perladangan dan pembinaan. Kemudahan penginapan pekerja asing di sektor perladangan adalah tertakluk kepada Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446). Manakala bagi sektor pembinaan hendaklah berdasarkan *Temporary Construction Site Workers Amenities and Accommodation - Code of Practice* yang disediakan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dengan kerjasama Jabatan Standard Malaysia.

Mesyuarat JKKPA-PATI pada 12 Mei 2016 telah bersetuju bahawa KSM melalui JTKSM mengeluarkan Sijil Perakuan Pematuhan Standard Minimum Penginapan Pekerja Asing bagi setiap penginapan berpusat yang mematuhi Garis Panduan Penetapan Standard Minimum Penginapan Pekerja Asing. Pada tahun 2017, JTKSM telah mengeluarkan sijil perakuan kepada lapan (8) buah syarikat penyedia penginapan berpusat pekerja asing yang melibatkan empat belas (14) lokasi penginapan.

Lokasi Penginapan Berpusat
Pekerja Asing Mengikut Negeri



Skim Bantuan Galakan Perniagaan Orang Kurang Upaya (SBGP-OKU)

Skim Bantuan Galakan Perniagaan Orang Kurang Upaya (SBGP-OKU) adalah satu usaha kerajaan untuk menggalakkan golongan kurang upaya untuk terlibat di dalam bidang perniagaan.

Objektif utama SBGP-OKU



Membantu usahawan Orang Kurang Upaya (OKU) yang berpotensi mengembangkan perniagaan melalui bantuan yang diterima; dan



Meningkatkan penyertaan OKU dalam pekerjaan melalui pengembangan perniagaan OKU.

Projek SBGP-OKU telah mula dilaksanakan pada tahun 2007 di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK-9), dan telah diteruskan di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10). Projek ini telah berjaya membantu 1,002 usahawan OKU mengembangkan perniagaan mereka dan mencipta peluang pekerjaan untuk OKU yang lain. Atas kejayaan ini, pihak kerajaan telah bersetuju meneruskan projek ini di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) dengan peruntukan dana sebanyak RM10 juta.

Setiap permohonan akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Penilai Peringkat Negeri dan seterusnya oleh Jawatankuasa Penilai Peringkat Kebangsaan, dengan nilai maksima kelulusan bagi setiap projek berjumlah RM100,000.00. Bantuan pula diberikan dalam bentuk peralatan perniagaan, pengubahsuaian premis perniagaan serta promosi perniagaan. Pada tahun 2017, seramai 50 usahawan OKU telah menerima bantuan SBGP-OKU dengan jumlah peruntukan sebanyak RM 2 juta bagi bajet Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11).

Jadual 29 : Bilangan Penerima Geran SBGP-OKU Dari 2007 Sehingga 2017

Tahun	Jumlah Penerima Geran SBGP-OKU	Nilai Geran (RM)
2007	62	2,404,000.00
2008	132	4,638,440.00
2009	134	5,510,916.00
2010	184	3,446,736.00
2011	122	3,229,078.60
2012	114	2,999,080.00
2013	75	1,998,799.00
2014	37	998,412.00
2015	30	997,801.40
2016	62	1,999,953.00
2017	50	1,999,953.26
JUMLAH	**1,002**	**30,223,169.26**

Sumber : JTKSM

Bilangan Permohonan Dan Kelulusan SBGP-OKU diterima di Peringkat Kebangsaan Mengikut Negeri Tahun 2017



Sumber : JTKSM

Bilangan Penerima Geran SBGP-OKU Tahun 2017



Sumber : JTKSM



Sumber : JTKSM

Carta 6 : Bilangan Penerima Geran SBGP-OKU Mengikut Jantina Tahun 2017



Sumber : JTKSM

"..jangan beri ikan tapi berilah pancing agar setiap hari boleh mendapat ikan.."

PROFIL

Nama : **IKHSAN BIN SIRAT**

Jenis Kecacatan : Anggota (Kerdil)

Nama Syarikat: Impian Ikhsan Enterprise

Jenis Perniagaan : Menjual Roti John, Kebab dan Burger

Geran SBGP-OKU : RM89,482.42 *(Food Truck)*

Negeri : Selangor





Impak positif melalui pemberian Geran SBGP-OKU dapat melahirkan usahawan OKU dalam menjana pendapatan dan menggajikan OKU yang lain.

Encik Ikhsan Bin Sirat dilahirkan di Pontian, Johor pada 17 September 1962 lebih kurang 56 tahun yang lalu. Pada tahun 1987, beliau telah berhijrah ke Kuala Lumpur untuk mencari peluang pekerjaan. Memandangkan beliau adalah seorang OKU (Kerdil), beliau sukar mendapatkan pekerjaan yang sesuai. Pada tahun 1989, beliau telah menjinakkan diri dalam perniagaan burger sebagai pembantu pemilik burger dengan dibayar gaji harian berjumlah RM8.00 sehari. Beliau bekerja dengan pemilik gerai burger selama 5 tahun dan pemilik telah menjual stor burger dan kelengkapan kepada beliau dengan harga RM1,800.00 secara bayaran ansuran.

Pada tahun 1997, beliau mula berusaha mendapatkan lesen pasar malam bagi mengembangkan perniagaannya. Pada peringkat awal, beliau bermodalkan RM1,200.00 dan menyewa van pergi dan balik ke tempat berniaga di pasar-pasar malam. Setelah hampir 3 tahun beliau telah membeli van terpakai dan menggajikan seorang pekerja. Setelah 2 tahun perniagaan beliau telah berkembang dan beliau telah memohon geran Skim Bantuan Galakan Perniagaan Orang Kurang Upaya (SBGP-OKU) di bawah JTKSM. Beliau telah dipilih menjadi seorang penerima geran SBGP-OKU iaitu penerima *Food Truck*. Hasil daripada jualan secara *Food Truck* beliau telah dapat menjana pendapatan dan mengembangkan perniagaan serta menggajikan OKU lain. Hasil pengembangan perniagaan ini beliau telah mampu membeli sebuah lagi *Food Truck* untuk meluaskan perniagaannya.

Menurut beliau, bantuan yang disalurkan oleh JTKSM amat berharga bagi insan seperti mereka untuk menempuh kehidupan harian dalam mencari rezeki bagi menyara kehidupan keluarga. Kata-kata azimat beliau; "Jika hendak beri makan, jangan beri ikan tapi berilah pancing agar setiap hari boleh mendapat ikan".

Pengurusan Pampasan Pekerja

Pengendalian Pampasan Pekerja Asing

Akta Pampasan Pekerja 1952 (APP 1952) memberi perlindungan kepada pekerja asing yang mengalami bencana kerja dan/atau penyakit akibat pekerjaan (*occupational disease*) yang menyumbang kepada berlakunya insiden Hilang Upaya Sementara (HUS), Hilang Upaya Kekal (HUK) dan Maut. Pemakaian akta ini memberikan perlindungan kepada pekerja asing yang digajikan secara sah.

Akta ini memberikan perlindungan dan faedah kepada pekerja dengan bayaran pampasan sekiranya mengalami kecederaan akibat kemalangan atau penyakit khidmat yang terbit dari dan dalam masa pekerjaan. Sekiranya pekerja meninggal dunia terbit dari dan dalam masa pekerjaan wang pampasan akan dibayar kepada orang tanggungan.

Peranan JTKSM bagi tuntutan pampasan pekerja asing terbencana adalah seperti berikut:



Menguatkuasakan Akta Pampasan Pekerja 1952 kepada semua majikan yang menggajikan pekerja asing.



Melaksanakan taksiran pampasan ke atas kecederaan atau kematian pekerja asing yang terlibat dengan kes kemalangan di tempat pekerjaan.



Melaksanakan pembayaran wang pampasan kepada pekerja yang mengalami kecederaan atau orang tanggungan pekerja asing yang maut.



Jenis kecederaan yang akan ditaksirkan adalah mengikut kategori Hilang Upaya Sementara (HUS), Hilang Upaya Kekal (HUK) dan Kes Maut di bawah APP 1952.

Bil.	Jenis Kecederaan	Definisi	Amaun Pampasan
1.	Hilang Upaya Sementara (HUS)	Seorang pekerja yang tidak berupaya untuk menjalankan semua jenis kerja yang mampu dilakukannya untuk tempoh sementara.	Dalam atau Luar Waktu Kerja Bayaran setengah bulanan iaitu satu pertiga dari purata pendapatan bulanan atau **RM165.00** mengikut mana yang kurang.
2.	Hilang Upaya Kekal (HUK)	Seorang pekerja yang tidak berupaya untuk menjalankan semua jenis kerja yang mampu dilakukannya untuk selama-lamanya.	Dalam atau Luar Waktu Kerja Peratus Kehilangan Upaya Mencari Nafkah x Purata Pendapatan x 60/84/108 bulan atau **RM23,000.00** mengikut mana yang kurang
3.	Maut	seorang pekerja yang maut akibat kemalangan yang berlaku dari dan dalam masa pekerjaan.	Dalam Waktu Kerja APP1952: RM18,000.00 Perintah (SPPA)(INSURANS)2005: RM7,000.00 Jumlah: **RM25,000.00** Luar Waktu Kerja Perintah (SPPA)(INSURANS)2005: **RM23,000.00**

Jadual 30 : Senarai Panel Penanggung Insurans Skim Pampasan Pekerja Asing (SPPA)
Sehingga 31 Disember 2017

Bil.	Syarikat Insurans	Bil.	Syarikat Insurans
1	AIA Bhd	15	MPI Generali Insurans Berhad
2	AIG Malaysia Insurance Berhad	16	MSIG Insurance (Malaysia) Bhd
3	Allianz General Company (Malaysia) Berhad	17	Overseas Assurance Corporation (Malaysia) Berhad
4	AmGeneral Insurance Berhad	18	Pacific & Orient Insurance Co. Bhd.
5	AXA Affin General Insurance Berhad	19	Progressive Insurance Bhd
6	Berjaya Sompo Insurance Berhad	20	Prudential BSN Takaful Berhad
7	CHUBB Insurance Malaysia Berhad	21	QBE Insurance (Malaysia) Berhad
8	Etiqa Insurance Malaysia Berhad	22	RHB Insurance Berhad
9	Etiqa Takaful Berhad	23	Syarikat Takaful Malaysia Berhad
10	Hong Leong MSIG Takaful Berhad	24	Takaful Ikhlas Berhad
11	Liberty Insurance Berhad	25	The Pacific Insurance Berhad
12	Lonpac Insurance Berhad	26	Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad
13	MAA Takaful Berhad	27	Tune Insurance Malaysia Berhad
14	MCIS Insurance Bhd	28	Zurich Insurance Malaysia Berhad

Jadual 31 : Jenis Kesalahan dan Amaun Denda di Bawah Akta Pampasan Pekerja 1952

Kesalahan	Denda
Gagal Melapor Kemalangan (Seksyen 13):	
• Kesalahan Pertama	RM5,000.00
• Kesalahan Kedua	RM10,000.00
Gagal Laporan/Maklumat (Seksyen 23)	RM5,000.00
Gagal Beli Insurans [Seksyen 26(1)]	RM20,000.00 @ Penjara 2 Tahun @ Kedua-duanya
Potongan Gaji Pekerja Untuk Bayaran Premium Insurans [Seksyen 26(5)]	RM5,000.00 @ Penjara 1 Tahun @ Kedua-duanya

Jadual 32 : Kedudukan Kes Pampasan Pekerja Asing Mengikut Negeri Tahun 2017

Negeri	Bil. Kes Kendali			Bil. Kes Selesai		
	HUS	HUK	MAUT	HUS	HUK	MAUT
Johor	828	383	177	828	383	177
Kedah	80	22	5	80	22	5
Kelantan	22	5	5	22	5	5
Melaka	160	92	20	160	92	20
Negeri Sembilan	106	14	27	106	14	27
Pahang	110	12	28	110	12	28
Pulau Pinang	257	37	47	257	37	47
Perak	494	54	57	494	54	57
Perlis	7	0	0	7	0	0
Selangor	589	108	148	589	108	148
Terengganu	32	6	5	32	6	5
W.P. Kuala Lumpur	34	0	17	34	0	17
W.P. Labuan	0	0	1	0	0	1
Jumlah	**2,719**	**733**	**537**	**2,719**	**733**	**537**

Sumber : Labour Market Database (LMD)

Petunjuk :
HUK – Hilang Upaya Kekal HUS – Hilang Upaya Sementara

Jadual 33 : Bilangan Pekerja Terbancana Mengikut Warganegara Tahun 2017

Warganegara	HUK	HUS	Maut	Jumlah
Nepal	250	1,009	170	1,429
Indonesia	89	373	113	575
Bangladesh	81	309	116	506
Myanmar	86	304	42	432
India	7	71	40	118
Vietnam	11	30	7	48
Pakistan	6	18	4	28
Sri Lanka	3	9	1	13
Filipina	0	7	5	12
Thailand	1	4	1	6
Kemboja	0	3	1	4
Jumlah	**534**	**2,100**	**500**	**3,171**

Sumber : Labour Market Database (LMD)

Petunjuk :
HUK – Hilang Upaya Kekal HUS – Hilang Upaya Sementara



Bengkel Taksiran Pampasan Dan Siasatan Permohonan Pekerja Asing Secara Berkualiti

Pendidikan Perburuhan

Dialog Industri

Dialog industri merupakan satu platform libat urus dialog sosial yang berperanan membina hubungan harmoni antara majikan dan pekerja dengan mengekalkan kestabilan hubungan industri. JTKSM selaku pengantara antara majikan dan pekerja dalam membincang serta menyelesaikan isu-isu penggajian dan perburuhan. Pada tahun 2017, sebanyak 19 sesi dialog industri telah dilaksanakan oleh JTKSM.

Objektif



Bilangan Sesi Dialog Industri Mengikut Negeri Tahun 2017



Semenanjung Malaysia meliputi W.P. Labuan tidak termasuk Sabah dan Sarawak

Sumber : Labour Market Database (LMD)

Mobile Labour Care (MOLAC)

Perkhidmatan melalui kaunter bergerak merupakan antara saluran perkhidmatan turun padang yang ditawarkan kepada pelanggan yang disediakan oleh JTKSM kepada pelanggan. Perkhidmatan ini meluaskan capaian perkhidmatan yang ditawarkan oleh JTKSM dan merupakan perkhidmatan tambahan selain daripada perkhidmatan melalui kaunter yang ditawarkan di pejabat-pejabat JTKSM. Perkhidmatan ini akan memudahkan pelanggan berurusan dengan cara paling cekap, mudah dan berkesan.



Perkhidmatan Yang di Tawarkan Oleh **MOLAC**



Aktiviti MOLAC Tahun 2017



202
Jumlah Program



2,518
Jumlah Pelanggan



59
Jumlah Aduan Diterima

Khidmat Nasihat Perburuhan

JTKSM berperanan memberi khidmat nasihat perburuhan secara percuma kepada para pelanggan yang terdiri daripada majikan, pekerja, pertubuhan majikan, kesatuan sekerja dan orang awam yang ingin mengetahui tentang isu-isu semasa perburuhan negara. Pada tahun 2017, seramai 37,284 orang pelanggan telah mendapatkan khidmat nasihat melalui kaunter, surat, faks, e-mel, telefon, laman sesawang dan tempat kerja.

Jadual 34 : Khidmat Nasihat Perburuhan Mengikut Sumber Tahun 2017

Sumber	Bilangan Pelanggan
Perkhidmatan Kaunter	30,835
Surat / Faks	21
E-mel	54
Telefon	5,164
Laman Sesawang	3
Tempat Kerja	1,207
Jumlah	**37,284**

Sumber : Labour Market Database (LMD)





Pengoptimuman Perkhidmatan Pekerjaan Negara

Perkhidmatan Pekerjaan

Perkhidmatan Pekerjaan menjadi keutamaan dalam usaha menjamin peluang pekerjaan kepada warganegara Malaysia. Ia selaras dengan aspirasi Rancangan Malaysia ke-11 (2016-2020), Teras Strategik 3: Meningkatkan Pembangunan Modal Insan Untuk Negara Maju Yang Memberi Fokus Kepada Menambah Baik Kecekapan Pasaran Buruh Bagi Meningkatkan Pertumbuhan Ekonomi.

Portal JobsMalaysia: Perkhidmatan Pekerjaan dalam talian



Pendaftaran Pencari Kerja

Carta 7 : Pendaftaran Pencari Kerja Aktif Mengikut Status Pekerjaan Dan Umur Tahun 2017



Sumber: Portal JobsMalaysia

Carta menunjukkan majoriti pencari kerja berdaftar dengan portal JobsMalaysia adalah berumur di antara 20 hingga 24 tahun yang mana golongan ini adalah lepasan institusi pengajian yang sedang mencari peluang pekerjaan.

Carta 8 : Jumlah Pendaftaran Dan Penempatan Mengikut Status Jantina Pencari Kerja Tahun 2017



Sumber: Portal JobsMalaysia

Pendaftaran pencari kerja dalam kalangan perempuan lebih tinggi dari lelaki disebabkan majoriti lepasan graduan institusi pengajian tinggi adalah terdiri daripada pelajar perempuan.

Carta 9 : Jumlah Pendaftaran Dan Penempatan Mengikut Status Pendidikan Pencari Kerja Tahun 2017



Sumber: Portal JobsMalaysia

Pendaftaran pencari kerja golongan siswazah lebih tinggi daripada golongan bukan siswazah. Manakala bagi penempatan, golongan bukan siswazah lebih banyak ditempatkan berbanding golongan siswazah disebabkan lebih banyak pekerjaan bagi tahap ini ditawarkan.

Jumlah Pendaftaran dan Penempatan Tahun 2017



256,608

Jumlah Pendaftaran Pencari Kerja Aktif



183,433

Jumlah Penempatan Pencari Kerja

Sumber: Portal JobsMalaysia

Pendaftaran Kekosongan Jawatan Kosong



Sumber: Portal JobsMalaysia

Jadual 35 : Pendaftaran Kekosongan Jawatan Mengikut Kumpulan Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) Melalui Portal JobsMalaysia

TINGGI			
Pengurusan 471	Profesional 2,718	Juruteknik 1,347	
SEDERHANA			
Perkeranian 1,401	Perkhidmatan dan Jualan 5,270	Pekerja Mahir Pertanian, Perhutanan & Perikanan 371	Pekerja Pertukangan & Berkaitan 3,238
RENDAH			
Operator Dan Pemasangan Loji Dan Mesin 18,296		Pekerja Asas 168,475	

Sumber: Portal JobsMalaysia

Penempatan Pekerjaan

Penempatan Pekerjaan Mengikut Kumpulan Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO)



Sumber: Labour Market Database (LMD)

Penempatan Pekerjaan Mengikut Kumpulan Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) Tahun 2017



Sumber: Labour Market Database (LMD)

Penempatan Pekerjaan Mengikut Negeri Semenanjung Malaysia Tahun 2017



Semenanjung Malaysia meliputi W.P. Labuan tidak termasuk Sabah dan Sarawak

Sumber: JTKSM

Penempatan Pekerjaan Mengikut Aktiviti



Sumber: JTKSM



Agro Job Fair 2017
Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani dengan kerjasama JTKSM (JobsMalaysia)








Karnival Kerjaya Maran 2017

National Occupational Skill Standard (NOSS)





JTKSM dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) telah berjaya bersama-sama membangunkan *National Occupational Skills Standard* (NOSS) Perkhidmatan Bimbingan Kerjaya, Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 4 dan Tahap 5.

NOSS merupakan dokumen yang menggariskan keperluan ketrampilan seseorang pekerja mahir di Malaysia dalam sesuatu bidang dan tahap pekerjaan serta laluan untuk mencapai ketrampilan tersebut.

Sebuah Jawatankuasa Panel Pembangunan Standard yang melibatkan kepakaran dalaman JTKSM dan pihak luaran daripada wakil-wakil majikan, ahli akademik serta pengamal-pengamal sumber manusia. Jawatankuasa ini diberi tanggungjawab untuk membangunkan dokumen NOSS Perkhidmatan Bimbingan Kerjaya Tahap 4 dan Tahap 5.

NOSS ini memberi nilai tambah dan pengiktirafan kepada kompetensi Pembimbing Kerjaya di Malaysia. Pada tahun 2017, Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK) telah mengiktiraf seramai 17 orang penerima sijil Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia Bidang Perkhidmatan Pembimbing Kerjaya Tahap 5 melalui Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT). Satu *Written Instructional Material* (WIM) akan dibangunkan berdasarkan NOSS ini.



Strategi Pelaksanaan

National Occupational Skill Standard (NOSS)



Retreat Pelan Strategik Kementerian Sumber Manusia 2016 pada 6 - 7 Disember 2015 di Kuching, Sarawak

01

Menjalinkan kolaborasi dengan pihak Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)

02

Mewujudkan Pegawai Pembimbing Kerjaya – melatih, mempersijilkan dan mendaftarkan pegawai JTKSM yang kompeten

03

Membangunkan *National Occupational Skill Standard* (NOSS) Bidang Pembimbing Kerjaya

04

Kronologi Pelaksanaan

Retreat Pelan Strategik Kementerian Sumber Manusia 2016

Mesyuarat Transformasi Kementerian Sumber Manusia

Mesyuarat Transformasi Kementerian Sumber Manusia

Bengkel Pembangunan NOSS Bidang Pembimbing Kerjaya Siri 1, 2 dan 3

Kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Penilaian Standard

Kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Standard

Kelulusan Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan

Pasukan Jawatankuasa Pembangunan Standard Modul NOSS Bidang Perkhidmatan Bimbingan Kerjaya Tahap 4 dan Tahap 5

JTKSM

Encik Aminuddin bin Ab. Rahaman – Pengarah JTK Negeri
Encik Yusoff bin Harun – Pengarah Bahagian JTKSM
Encik Mustaffa Kamal bin Bawaihi – Timbalan Pengarah Bahagian JTKSM
Puan Norhashimah binti Ismail – Penolong Pengarah Kanan
Puan Junaidah binti Tukiman - Penolong Pengarah
Encik Arman Syahlan bin Mohd Anuar - Penolong Pengarah
Puan Nur Ruzaini binti Jamaludin – Penolong Pengarah

Jabatan Tenaga Manusia

Encik Yusri bin Mohd Yusof – Penolong Pegawai Latihan Vokasional, Institut Latihan Perindustrian

Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) HRDF

Encik Mohd Zawawi bin Mohd Noor - Juru Perunding

Persekutuan Majikan Malaysia (MEF)

Encik Mohd Zakri bin Baharudin - Pengurus Kanan, Hal Ehwal Majikan

Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)

Encik Mohd Norahim bin Mohamed Sani – Pensyarah Kanan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Industri

Puan Ruziah Hanim binti Othman – Pengurus Sumber Manusia

Agensi Pekerjaan Swasta (APS)

Puan Tan Chu Ping - Ketua Eksekutif Operasi
Encik Heah Theng Hwang - Ketua Eksekutif Operasi
Encik Richard Koh Peng Hong - Ketua Eksekutif Operasi

Fasilitator

Encik Syed Mahathir bin Syed Azman Syah - Jabatan Pembangunan Kemahiran

Agensi Pekerjaan Swasta (APS)

JTKSM bertanggungjawab memantau operasi APS agar selari dengan kehendak Akta Agensi Pekerjaan Swasta (Pindaan) 2017. Akta ini mengawal aktiviti agensi pekerjaan dan menjaga hak serta kebajikan pencari kerja. Akta ini juga memperluaskan liputan pemakaian kepada APS yang menjalankan aktiviti penempatan pekerja bukan warganegara dan pekhidmat domestik asing.

Akta ini memperuntukan bahawa mana-mana orang yang menjalankan aktiviti dan urusan berkaitan APS hendaklah berdaftar dan mempunyai lesen sah yang dikeluarkan oleh JTKSM. Tempoh sah laku lesen adalah 2 tahun dari tarikh ia dikeluarkan dan permohonan memperbaharui lesen hendaklah dikemukakan oleh APS kepada JTKSM sekurang-kurangnya 2 bulan sebelum tarikh tamat tempoh lesen. Sepanjang tahun 2017, sebanyak 56 lesen baharu APS telah dikeluarkan, manakala sebanyak 909 adalah melibatkan pembaharuan lesen (renewal). Selain itu, sejumlah 3 lesen Endorsan baharu juga telah dikeluarkan ke atas APS yang berhasrat untuk melaksanakan penghantaran pekerja tempatan ke luar negara. Permohonan kebenaran pembaharuan Endorsan yang diluluskan adalah sebanyak 43.

Carta 10 : Perbandingan Pengeluaran Lesen APS di bawah Akta 246
Tahun 2013 hingga 2017



Sumber: JTKSM

Berdasarkan carta di atas, tahun 2014 menunjukkan jumlah pengeluaran lesen baharu dan pembaharuan yang paling tinggi iaitu sebanyak 126 lesen baharu dan 1,096 lesen pembaharuan telah dikeluarkan. Manakala pengeluaran lesen Endorsan yang tertinggi adalah pada tahun 2013 iaitu sebanyak 10 lesen telah dikeluarkan.

Pindaan Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981

Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 (Akta 246) ialah akta yang mengawalselia aktiviti APS dan menjaga hak serta kebajikan pencari kerja dan majikan. Pindaan undang-undang ini memperkenalkan tiga (3) jenis lesen berbanding satu (1) sahaja sebelum ini.

Jenis-Jenis Lesen

Lesen A	Lesen B	Lesen C
Rekrut pekerja tempatan dalam negara	Rekrut pekerja tempatan dalam dan luar negara dan pekhidmat domestik	Rekrut pekerja asing

Amaun wang jaminan juga diperkenalkan sebagai sekuriti untuk memastikan agensi menjalankan tanggungjawab dengan baik. Ia berbeza mengikut jenis lesen, iaitu:

Lesen A	Lesen B	Lesen C
RM5,000	RM100,000	RM250,000

Wang jaminan adalah sebagai suatu sekuriti deposit jika berlaku apa-apa pelanggaran oleh agensi yang melibatkan kerugian kepada pencari kerja atau majikan. Pindaan Akta ini telah diluluskan pada 14 Ogos 2017 dan dikuatkuasakan pada 1 Februari 2018.



Permohonan Penggajian Pekerja Asing

Penggajian pekerja asing di Malaysia merupakan satu langkah jangka pendek bagi menangani masalah kekurangan tenaga kerja serta membantu pertumbuhan dan pembangunan ekonomi negara. Pengurusan proses penggajian pekerja asing melibatkan 14 kementerian atau agensi kerajaan di negara ini. JTKSM merupakan salah satu agensi yang terlibat di dalam proses pengurusan penggajian pekerja asing di Malaysia. Majikan hendaklah membuat permohonan penggajian pekerja asing melalui Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) untuk mendapatkan Perakuan JTKSM bagi menggajikan pekerja asing.

Jadual 36 : Statistik Permohonan Perakuan JTKSM Mengikut Sektor Tahun 2017

Sektor	Jumlah Permohonan Perakuan JTKSM	Jumlah Perakuan JTKSM Dikeluarkan	Jumlah Permohonan Perakuan JTKSM Ditolak	Jumlah Pekerja Asing Yang Dipohon	Jumlah Pekerja Asing Disokong	Jumlah Pekerja Asing Ditolak
Perkilangan	4,691	2,338 (50%)	2,353 (50%)	278,098	111,154 (40%)	166,944 (60%)
Perkhidmatan	2,719	844 (31%)	1,875 (69%)	77,778	9,586 (12%)	68,192 (88%)
Pertanian	1,667	987 (59%)	680 (41%)	37,336	14,525 (39%)	22,811 (61%)
Pembinaan	845	517 (61%)	328 (39%)	33,975	14,241 (42%)	19,734 (58%)
Perladangan	705	229 (32%)	476 (68%)	88,407	25,295 (29%)	63,112 (71%)
Jumlah	**10,627**	**4,915 (46%)**	**5,712 (54%)**	**515,594**	**174,801 (34%)**	**340,793 (66%)**

Sumber : ePPAx

Pengendalian permohonan pekerja asing yang dijalankan oleh JTKSM dilaksanakan dengan terperinci dan menitikberatkan elemen dasar perburuhan dan penggajian negara. Setiap permohonan disiasat dan disemak oleh JTKSM sebelum dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Penempatan Pekerja Tempatan untuk dipertimbang dan diputus berdasarkan kriteria berikut:

i. kesahihan permohonan daripada majikan;
ii. menepati kriteria, dasar, prosedur dan syarat penggajian pekerja asing seperti yang digariskan dalam Buku Panduan Dasar, Prosedur dan Syarat-syarat Penggajian Pekerja Asing di Malaysia; dan
iii. pematuhan terhadap undang-undang perburuhan, pekeliling dan garis panduan yang dikuatkuasakan.

Permohonan Penggajian Pekhidmat Domestik Asing

JTKSM turut bertanggungjawab dalam hal ehwal yang melibatkan Pekhidmat Domestik Asing (PDA) yang bekerja di negara ini khususnya dalam soal penggajian. Aktiviti ini dijalankan adalah untuk memastikan PDA yang bekerja di negara ini mendapat perlindungan dan hak-hak di bawah peruntukan undang-undang perburuhan negara.



Penggajian Pekerja Domestik Indonesia

Mesyuarat Penyelarasan Pelaksanaan Prosedur Kemasukan Pembantu Rumah Indonesia mengenai Memorandum Persefahaman (MoU) Kerajaan Malaysia-Indonesia berhubung pengambilan Pekerja Domestik Indonesia (PDI) telah bersetuju bahawa satu perakuan terhadap majikan akan dikeluarkan oleh JTKSM. Perakuan ini akan dijadikan dokumen prasyarat tambahan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) bagi tujuan pengeluaran Pas Lawatan (Kerja Sementara) (PLKS) terhadap PDI yang akan bekerja di negara ini. Perakuan ini juga bertujuan untuk memastikan PDI mendapat perlindungan yang sewajarnya di bawah undang-undang serta tidak dieksploitasi sehingga menjadi mangsa pemerdagangan manusia.

Jadual 37 : Statistik Permohonan Surat Perakuan Oleh Agensi Pekerjaan Swasta (APS) Tahun 2017

Tahun	Disyorkan	Tidak Disyorkan	Jumlah
2017	12,232	30	12,262

Sumber : APS Link-Up



Majlis Pelancaran Guidelines and Tips for Employers of Foreign Domestic Helpers



Pemerkasaan Penyampaian Perkhidmatan Jabatan Kepada Rakyat

Persidangan Pegawai-Pegawai Kanan JTKSM 2017



Resolusi

Persidangan Tahunan Pegawai-pegawai Kanan JTKSM

Persidangan Tahunan Pegawai-pegawai Kanan JTKSM yang berlangsung di Johor Bahru, Johor dari 22 hingga 26 Februari 2017 bertemakan "Merakyatkan Perkhidmatan Pekerjaan dan Pengurusan Perburuhan". Setelah mengkaji pencapaian keseluruhan aktiviti sedia ada dan cadangan hala tuju strategik JTKSM berkaitan tanggungjawab terhadap rakyat melalui perkhidmatan telah memperakui dan bersetuju;

i. Mengambil tindakan selari dengan amanat Ketua Pengarah JTKSM yang menggariskan saranan, hasrat dan harapan beliau mengenai perkara-perkara berikut:

- memperkasakan peranan Jabatan sebagai sebuah agensi perkhidmatan awam dalam menyumbang kepada ekonomi rakyat;
- memantapkan perkhidmatan pekerjaan dengan menekankan elemen interaktif dan vibran dari segi infrastruktur, portal dan *human touch*;
- mentransformasikan minda dan sikap warga Jabatan ke arah berpaksikan rakyat, bersemangat melakukan perubahan serta kesungguhan memberikan perkhidmatan berimpak tinggi;
- mengarusperdana perkhidmatan Jabatan agar sentiasa relevan dalam mendepani isu-isu dan cabaran semasa; dan
- menetapkan fokus Jabatan yang didokong oleh strategi yang memberikan impak kepada rakyat.



Persidangan Tahunan Pegawai-Pegawai Kanan JTKSM Tahun 2017

ii. Memurnikan cadangan Pelan Strategik JTKSM 2016 hingga 2020 melalui empat (4) teras berikut :-

- menerajui perkhidmatan pekerjaan kepada warganegara;
- mengukuhkan pematuhan standard-standard perburuhan melalui penguatkuasaan dan dasar perburuhan;
- meningkatkan penglibatan kumpulan khas dalam pasaran buruh dan kesedaran masyarakat terhadap amalan perburuhan; dan
- memantapkan sumber manusia, sumber kewangan dan fasiliti Jabatan.

iii. Mengambilkira cadangan kandungan kerangka kerja bagi menggubal Rang Undang-Undang (RUU) Akta Perkhidmatan Pekerjaan Kebangsaan *(National Employment Services Act* – NESA);

iv. Memperakui kepentingan pelaksanaan *Key Performance Activity* (KPA) tahun 2017 mengikut ketetapan yang digariskan dalam Kamus *Business Plan* untuk dijadikan agenda dan panduan serta rujukan pelaksanaan tindakan terancang; dan

v. Mengiktiraf bahawa KPA sebagai halatuju Jabatan bagi tahun 2017 dikelaskan kepada lima (5) bahagian iaitu:-

- Khidmat Pengurusan;
- Perkhidmatan Pekerjaan;
- Pekerja Asing;
- Penguatkuasaan;
- Standard Perburuhan.

Program Pembangunan ICT JTKSM

Unit Teknologi Maklumat (UTM) telah diberi mandat dalam menyediakan perkhidmatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) secara menyeluruh di samping untuk melaksanakan tugasnya dalam membangunkan, melaksanakan dan menyelenggara infrastruktur ICT dengan memastikan penggunaan perkhidmatan ICT dalam kalangan pegawai dan kakitangan pada tahap yang maksimum dan berkualiti. Setiap projek ICT yang akan dilaksanakan harus memberikan satu impak nilai tambah yang tinggi dan menyeluruh kepada pegawai dan kakitangan dalam menyokong pelaksanaan pembangunan Jabatan.

Perolehan Pembangunan Sistem ICT

Pada tahun 2017 JTKSM telah mendapat kelulusan membangunkan Sistem Pengurusan Perburuhan Bersepadu (SPPB) yang akan menggabungkan sistem *Labour Market Database* (LMD) dan *eLabour Court* (eLC). Kelulusan telah diterima pada 15 Mei 2017 dari Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).

Jawatankuasa Pemandu ICT

Semua Kementerian dan Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri bertanggungjawab menubuhkan Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) untuk menyelaras permohonan projek ICT bagi agensi-agensi di bawahnya. Agensi-agensi di bawah Kementerian dan Negeri juga perlu menubuhkan JPICT sendiri bagi menyelaraskan permohonan projek ICT di peringkat agensi masing-masing. Sehubungan dengan itu, JTKSM telah menubuhkan JPICT dan telah bersetuju menetapkan mesyuarat diadakan sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun. Jadual di bawah menunjukkan bilangan JPICT dilaksanakan sepanjang tahun 2017:

Jadual 38 : Bilangan Mesyuarat Jawatankuasa JPICT Tahun 2017

Bilangan	Tarikh
Bil 1/2017	11 Januari 2017
Bil 2/2017	27 April 2017
Bil 3/2017	21 Ogos 2017
Bil 4/2017	9 Oktober 2017
Bil 5/2017	28 Disember 2017

Pembangunan Projek ICT Berimpak Tinggi

JTKSM telah dan sedang melaksanakan projek-projek ICT yang berimpak tinggi seperti jadual di bawah :

Jadual 39 : Senarai Projek ICT Berimpak Tinggi Tahun 2017

Bil	Nama Projek	Status Pelaksanaan
1.	JobsMalaysia 2.0	Julai 2015 – sekarang
2.	ePPAx 1.0	Mac 2016 – Oktober 2017
3.	SPPB	Kelulusan JTISA Mei 2017

Pembangunan Sistem Pengurusan Perburuhan Bersepadu (SPPB)

Setelah menerima kelulusan dari Jawatankuasa Teknikal ICT Sektor Awam (JTISA), JTKSM telah mengorak langkah dengan mengadakan Bengkel Penyelarasan Dokumen Tender Sistem Pengurusan Perburuhan Bersepadu (SPPB) pada 6 – 9 Jun 2017 di Kajang, Selangor. Tujuan bengkel ini diadakan bagi menyelaraskan semua modul yang terlibat dalam sistem tersebut agar pembangunan modul yang baru tidak bercanggah dengan sistem sedia ada yang lain.



Suasana sekitar Bengkel penyelarasan SPPB bertempat di Kajang, Selangor yang telah diadakan.

Latihan ICT

Latihan Teknikal ICT

Dalam usaha menyokong pelaksanaan JobsMalaysia 2.0 dan ePPAx ini, UTM telah menghadiri beberapa siri latihan teknikal yang dianjurkan oleh pihak pembekal iaitu MIMOS Bhd dan Ivy Matrix Sdn. Bhd dalam mempersiapsiaga pegawai unit ini dengan teknologi yang dibangunkan oleh pihak pembekal.

a. Projek JobsMalaysia 2.0

Jadual 40 : Senarai Latihan Teknikal Yang Telah Dihadiri

Tajuk Latihan	Tarikh	Tempat
Technical Training – Puppet	20 Februari 2017	MIMOS Berhad, Bukit Jalil
Technical Training – Postgress	21 Februari 2017	MIMOS Berhad, Bukit Jalil
Technical Training – Rundeck	3 April 2017	MIMOS Berhad, Bukit Jalil
Technical Training – Gray Log	4 April 2017	MIMOS Berhad, Bukit Jalil

b. Projek Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx)

Senarai Latihan Teknikal yang telah dihadiri :

i. Latihan Teknikal (Perisian)

Jadual 41 : Senarai Latihan Teknikal Yang Telah Dihadiri

Nama Latihan	Bil. Hari	Tarikh Latihan	Tempat Latihan
i. Tibero Enterprise Edition ii. Training for Administrator	3	14-16 Febuari 2017	Bilik Mesyuarat Utama D4,KSM
Inet Crystal Clear Reporting	1	28 Februari - 1 Mac 2017	Ivy Matrix Sdn Bhd.
JAVA Spring Tools Suite (STS)	1	02 - 03 Mac 2017	Ivy Matrix Sdn Bhd.



Sesi latihan teknikal di Ivy Matrix Sdn Bhd.

ii. Latihan Teknikal (Perkakasan)

Nama Latihan	Bil. Hari	Tarikh Latihan	Tempat Latihan
Intrusion Prevention System	1	18 Januari 2017	Spectrum Edge Sdn Bhd
Security Posture Assessment (SPA)	2	27-28 Februari 2017	Ivy Matrix Sdn Bhd.

iii. *Transfer Of Technology* (TOT)

Nama Latihan	Bil. Hari	Tarikh Latihan	Tempat Latihan
1st session for project team	2	28 Februari 2017 – 1 Mac 2017	JTKSM & Konsultan
2nd session for project team	2	3 Mac – 4 Mac 2017	JTKSM & Dorsett Putrajaya



Sesi Latihan ePPAx bagi pengurusan tertinggi di JTSKM

Latihan Sistem ICT

Bagi melahirkan pegawai yang sentiasa diberi pendedahan berkaitan sistem yang dibangunkan, JTKSM telah melaksanakan latihan *Refresh Course* bagi Sistem LMD dan juga Sistem ePPAx dalam usaha menjamin pegawai-pegawai JTKSM dilengkapkan dengan maklumat dan input terkini bagi membolehkan tugas dijalankan dengan lebih efisien.

Kursus Pemantapan **LMD 2.0**



Siri 1 — 22-24 Ogos 2017

Tempat : ILP Marang, Kuala Terengganu
Pejabat terlibat : Pahang dan Terengganu
Jumlah peserta : 30 orang

Siri 2 — 25-28 September 2017

Tempat : ILP Kepala Batas, Pulau Pinang
Pejabat yang terlibat : Kedah, Perlis dan Pulau Pinang
Jumlah peserta : 26 orang

Siri 3 — 10-12 Oktober 2017

Tempat : ILP Bukit Katil, Melaka
Pejabat terlibat : Negeri Sembilan, Melaka dan Johor
Jumlah peserta : 31 orang



Kursus LMD di ILP, Kuala Terengganu,Terengganu

User Acceptance Test (UAT) - *Release 2:*



User Acceptance Test (UAT) - Integration Cycle 1

Tarikh : 11 – 13 Januari 2017
Tempat : Bilik Mesyuarat D4, JTKSM
Jumlah peserta : 23 orang

User Acceptance Test (UAT) - Integration Cycle 1

Tarikh : 11 – 13 Januari 2017
Tempat : Bilik Mesyuarat D4, JTKSM
Jumlah peserta : 23 orang

Latihan Penggunaan Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) Sesi 1 & 2

Tarikh : 13 – 17 Februari 2017
Tempat : Rhr Hotel, Kajang, Selangor
Jumlah peserta : Sesi 1: 35 orang
Sesi 2: 38 orang



Sesi Latihan Penggunaan Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu bertempat di Rhr Hotel, Kajang, Selangor

User Acceptance Test (UAT) - *Integration* (myIMMs):



User Acceptance Test (UAT) - Integration Cycle 1

Tarikh : 29 – 31 Mac 2017
Tempat : Bilik Mesyuarat Ibnu Rusyd, Jabatan Imigresen Malaysia, Putrajaya
Jumlah peserta : 10 orang

User Acceptance Test (UAT) - Integration Cycle 1

Tarikh : 6 April 2017
Tempat : Bilik Mesyuarat Ibnu Rusyd, Jabatan Imigresen Malaysia, Putrajaya
Jumlah peserta : 10 orang

Latihan Penggunaan Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) bagi Penggunaan di OSC-KDN

Tarikh : 22 – 24 Ogos 2017
Tempat : Bilik Latihan ICT 2, Aras 6, KSM
Jumlah peserta : 15 orang

Perolehan ICT Tahun 2017

Perolehan bagi Membekal, Menghantar, Memasang, Mengkonfigurasi, Menguji, Mentauliah Dan Menyenggara Rangkaian Tanpa Wayar (WAN) JTKSM.

UTM telah melaksanakan naiktaraf rangkaian Sistem *Wireless Interoperability Fidelity Infrastructure* (Wi-Fi) dan Peralatan Rangkaian. Terdapat lima (5) pejabat yang terlibat :



Pemilihan pejabat tersebut adalah berdasarkan aduan yang seringkali diterima oleh pihak JTKSM. Pejabat yang terpilih juga kerap mengalami masalah *switch* terbakar disebabkan bangunan yang telah usang, rangkaian sedia ada terlalu lama serta tidak sesuai dengan teknologi terkini dan seringkali dilanda bencana alam seperti banjir. Proses naiktaraf telah siap dan beroperasi sepenuhnya pada Disember 2017.

Perolehan Projek Membekal, Menghantar, Memasang, Mengkonfigurasi, Menguji, Mentauliah Dan Menyenggara Perkakasan Dan Perisian ICT JTKSM.

Di dalam melaksanakan bidang tugas ke arah mencapai visi dan misi JTKSM, penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi memainkan peranan penting dalam menjalankan aktiviti harian. JTKSM telah diberi tanggungjawab yang besar dalam mengendalikan penguatkuasaan.

Bagi memastikan operasi JTKSM dan penggunaan sistem eKehakiman berjalan lancar, peralatan ICT dan perisian sentiasa dipertingkatkan bagi kegunaan pegawai dan kakitangan. JTKSM telah membuat pembelian mengikut peruntukan yang telah diluluskan mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan dan agihan komputer dibuat ke semua pejabat yang terlibat dalam menggunakan sistem eKehakiman bagi memudahkan tugasan seharian. Peralatan ICT yang telah diterima oleh pegawai digunakan bagi urusan pendaftaran kes di Mahkamah Persekutuan Malaysia.

Pembangunan Laman Sesawang Baru

JTKSM telah melaksanakan pembangunan laman sesawang baru bagi menggantikan laman sesawang sedia ada. Ianya sangat penting bagi memudahkan pengguna mendapatkan maklumat dengan tepat dan cepat. Laman sesawang baru ini menggunakan platform Joomla versi 3.8.2 yang terkini mengikut garis panduan dari *Provider Based Evaluation* (ProBE) dengan objektif utama untuk meningkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan dalam talian. Laman sesawang ini akan digunakan sepenuhnya pada Januari 2018.

Laman sesawang baru Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia boleh dilayari di jtksm.mohr.gov.my



Rangkaian Dan Keselamatan ICT

Penyelenggaraan dan Pemantauan Rangkaian

UTM juga bertanggungjawab terhadap sokongan teknikal peralatan ICT di seluruh cawangan JTK termasuklah pendawaian semula rangkaian. Antara cawangan Pejabat Tenaga Kerja (PTK) yang telah dilaksanakan pendawaian semula adalah PTK Kuala Pilah, PTK Rawang, PTK Tapah dan PTK Muar.



Kerja-kerja Penyelenggaraan Pendawaian Rangkaian di PTK Kuala Pilah dan PTK Rawang tahun 2017.

Selain itu, UTM perlu memastikan penggunaan *Internet* berada dalam keadaan baik dan stabil untuk menampung tugas seharian pegawai-pegawai JTKSM.

Sebanyak dua (2) permohonan naiktaraf *bandwith* telah diterima dari PTK .Kluang (2Mbps) dan PTK Johor Bahru (2Mbps). Justeru itu, permohonan penaiktarafan telah dibuat kepada MAMPU dan telah diluluskan dengan kapasiti 6 Mbps setiap cawangan tersebut.

Aktiviti Sokongan Lain

Karnival Pekerjaan

UTM telah ditugaskan untuk memberi sokongan teknikal dan membantu kelancaran aktiviti pendaftaran pencari dan majikan secara atas talian, carian kerja dan pekerja dan kemaskini maklumat di dalam Portal JobsMalaysia semasa karnival perkerjaan diadakan.



Carian kerja.







Karnival @ UTC Kelantan.

Naziran Dan Pelupusan ICT

UTM ini diberi tanggungjawab melaksanakan naziran dan pelupusan aset di peringkat JTKSM. Sepanjang tahun 2017 sebanyak sembilan (9) permohonan pelupusan aset telah diterima dan dilaksanakan.

Senarai Permohonan Pelupusan Aset Yang Telah Diterima :





Pelupusan Peralatan ICT di JTK Melaka



Naziran Aset-Aset Yang Dibekalkan Dibawah Projek Revamp JobsMalaysia

Latihan

Latihan merupakan salah satu aktiviti JTKSM yang sangat penting kerana ianya boleh memberi impak yang positif terhadap produktiviti pegawai dan kakitangan. Tujuan utama latihan diadakan adalah untuk mencapai sebarang perubahan dalam pengetahuan, kemahiran, pengalaman, tingkah laku seseorang pegawai dan kakitangan dalam sesebuah jabatan. Justeru, JTKSM telah menganjurkan pelbagai siri latihan yang bersesuaian bagi meningkatkan kompetensi, produktiviti dan penyampaian perkhidmatan JTKSM. Sepanjang tahun 2017, beberapa siri latihan turut dilaksanakan dengan kerjasama JTKSM dan agensi luar. Statistik latihan bagi tahun 2017 adalah seperti berikut;

Carta 11 : Bilangan Latihan Mengikut Bahagian Tahun 2017



Sumber : JTKSM









Kursus Pemahaman Undang-Undang Perburuhan Dan Pemantapan Aktiviti Penguatkuasaan JTKSM

Peruntukan Perbelanjaan Latihan Tahun 2017

Jumlah keseluruhan peruntukan latihan di bawah OS29000 bagi JTKSM tahun 2017 adalah sebanyak RM 665,000.00. Jumlah perbelanjaan bagi tahun 2017 adalah sebanyak RM661, 185.07.

Carta 12 : Perbelanjaan Latihan Tahun 2017



Sumber : JTKSM

Jadual 42 : Senarai Latihan JTKSM Tahun 2017

Bil.	Latihan	Tarikh
1	Bengkel Penyediaan Permohonan Bajet Tahun 2018	13-14 Mac 2017
2	Kursus Pemahaman Undang-Undang Perburuhan Dan Pemantapan Aktiviti Penguatkuasaan JTKSM Siri I – Siri III	03-07 April 2017 22-25 Mei 2017 24-27 Julai 2017
3	Bengkel Penilaian National Occupational Skill Standard (NOSS) Bidang Perundingan Kerjaya Tahap 4 & 5 JTK Semenanjung	07-11 April 2017
4	Kursus Intensif Pengukuhan Kemahiran Pendakwaan Bagi Pegawai-Pegawai Pendakwa	10-12 April 2017
5	Kursus Pengendalian Aduan dan Penyediaan Laporan Siasatan Aduan mengikut Standard MS:ISO 9001:2008	26-28 April 2017
6	Kursus Asas Risikan Bagi Pasukan Khas Penguatkuasaan Yang Dikuatkuasakan Oleh JTKSM	03-05 Mei 2017
7	Bengkel Modul Penamatan Perkhidmatan Submodul Pengurusan Tuntutan Dan Pendahuluan Diri Dalam HRMIS	17-18 Mei 2017
8	Bengkel Penambahbaikan Proses Kerja Aktiviti Utama Ke Arah Pensijilan MS: ISO 9001:2015 Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia	22-25 Mei 2017
9	Bengkel Pengurusan Aset Dan Stor Mengikut Pekeliling 1PP Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)	17-18 Julai 2017
10	Kursus Pembudayaan Integriti Dan Personaliti Pemanduan Hebat JTKSM	13-15 Oktober 2017
11	Bengkel Pembangunan Laman Sesawang Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)	23-25 Oktober 2017
12	Kursus Training Of Trainer (TOT) Modul Kursus Pemerkasaan Kebolehpasaran Dan Kebolehkerjaan Graduan IPTA Dalam Pasaran Kerja	25-27 Oktober 2017

Sumber : JTKSM





Tadbir Urus Organisasi



Pengurusan Kewangan

Peruntukan Mengurus Tahun 2017

JTKSM telah menerima sebanyak RM76,192,530.00 bagi Peruntukan Mengurus tahun 2017 untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang telah dirancang.

Peruntukan Mengurus yang diterima adalah bagi pengoperasian JTKSM seperti pembayaran emolumen pegawai dan kakitangan seluruh warga JTKSM, elaun lebih masa, tuntutan perjalanan, bayaran utiliti, sewaan-sewaan, pembekalan bekalan pejabat, penyelenggaraan-penyelenggaraan aset dan kenderaan jabatan serta perkhidmatan-perkhidmatan lain.

Carta 13 : Peruntukan Dan Perbelanjaaan Mengurus Tahun 2017



Sumber : JTKSM

JTKSM telah menerima Peruntukan Mengurus sebanyak **RM76,192,530.00**. Daripada amaun tersebut, JTKSM telah membelanjakan sebanyak **RM70,424,304.20** bagi pengoperasian JTKSM sepanjang tahun 2017.

Peruntukan Pembangunan Tahun 2017

Peruntukan Pembangunan yang diterima adalah bagi pelaksanaan Projek Meroboh dan Membina Pejabat PTK Sungai Petani, Membina Semula Pejabat PTK Bentong dan Program Skim Galakan Bantuan Perniagaan Orang Kurang Upaya (SBGP-OKU).

Carta 14 : Kos Projek Pembangunan Tahun 2017



Sumber : JTKSM

Sebanyak RM2,391,900.00 telah dibelanjakan bagi Projek Meroboh dan Membina Pejabat PTK Sungai Petani dan Projek Membina Semula Pejabat PTK Bentong. Selain itu, sebanyak RM2,000,000.00 telah dibelanjakan bagi Program Skim Galakan Bantuan Perniagaan Orang Kurang Upaya (SBGP-OKU).

Carta 15 : Peratusan Perbelanjaan Mengurus JTKSM Sepanjang Tahun 2017



JTK Kelantan telah mencatatkan perbelanjaan tertinggi sebanyak 98.9% manakala Ibu Pejabat mencatatkan perbelanjaan terendah iaitu sebanyak 83.9%.

Maklum Balas Pelanggan

Sebanyak 9,182 borang maklumbalas pelanggan yang telah diterima daripada bulan Januari hingga Disember 2017 melibatkan 53 buah pejabat di bawah JTKSM. Objektif kualiti JTKSM telah menetapkan bahawa Indeks Kepuasan Pelanggan adalah perlu melepasi 70% di mana hasil analisa pencapaian Indeks Kepuasan Pelanggan jabatan yang diperolehi adalah sebanyak 79.7%. Keputusan analisa menunjukkan pelanggan berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan oleh pegawai dan kakitangan pejabat-pejabat di bawah JTKSM.

Jadual 43 : Bilangan Responden Terhadap Maklum Balas Pelanggan Mengikut Demografi Tahun 2017

Demografi		Jumlah	Peratus%	Jumlah Keseluruhan	Peratus Keseluruhan
Jantina	Lelaki	5,276	57.5	9,182	100
	Perempuan	3,906	42.5		
Pekerjaan	Kakitangan Swasta	7,151	77.9	9,182	100
	Kakitangan Kerajaan	322	3.5		
	Bekerja Sendiri	881	9.6		
	Tidak Bekerja	828	9.0		
Bangsa	Melayu	5,849	63.7	9,182	100
	Cina	2,213	24.1		
	India	1,014	11.0		
	Lain-Lain	106	1.2		

Sumber : JTKSM

Sumber Manusia

Pada tahun 2017, pengisian perjawatan JTKSM seramai 1,092 orang yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan pelbagai jawatan berbanding perjawatan sebenar adalah seramai 1,192 perjawatan. Ini merangkumi perjawatan di Ibu Pejabat, JTK dan PTK Cawangan.

Jadual 44 : Kedudukan Perjawatan JTKSM Sehingga 31 Disember 2017

Bil.	Jawatan	Gred	Jawatan	Isi	Kosong
1	Ketua Pengarah, Pegawai Perhubungan Perusahaan, JUSA B	VU6	1	1	0
2	Timb. Ketua Pengarah, Pegawai Perhubungan Perusahaan, JUSA C	VU7	2	2	0
3	Pegawai Perhubungan Perusahaan, JUSA C (Pinjaman ILMIA)	VU7	1	1	0
4	Pegawai Perhubungan Perusahaan	S54	8	8	0
5	Pegawai Perhubungan Perusahaan (SUB Bahagian Dasar Kementerian)	S54	1	1	0
6	Pegawai Perhubungan Perusahaan	S52	6	6	0
7	Pegawai Tadbir dan Diplomatik	M52	1	1	0

Bil.	Jawatan	Gred	Jawatan	Isi	Kosong
8	Pegawai Perhubungan Perusahaan	S48	23	23	0
9	Pegawai Perhubungan Perusahaan	S44	76	63	13
10	Pegawai Tadbir dan Diplomatik	M44	2	2	0
11	Pegawai Tadbir dan Diplomatik	M41/M44	3	2	1
12	Pegawai Teknologi Maklumat	F44	1	1	0
13	Pegawai Undang-Undang	L44/L41	1	1	0
14	Pegawai Perhubungan Perusahaan	S41	209	194	15
15	Pegawai Penerangan	S41	1	1	0
16	Pegawai Perhubungan Perusahaan	S40	1	0	1
17	Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan	S38	29	25	4
18	Penolong Pegawai Tadbir	N36	4	4	0
19	Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan	S32	69	64	5
20	Penolong Pegawai Tadbir	N32	4	4	0
21	Penolong Akautan	W32	1	1	0
22	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	FA32	1	1	0
23	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	FA29/FA32	1	1	0
24	Penolong Pegawai Tadbir	N29/N32	4	2	2
25	Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan	S29/S32	97	82	15
26	Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan	S26	13	13	0
27	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N26	1	1	0
28	Pembantu Perhubungan Perusahaan	S22	22	13	9
29	Pembantu Tadbir (Perkeranian / Operasi)	N22	18	18	0
30	Pembantu Khas, Pembantu Setiausaha Pejabat	N22/ N29/30/ N32/N36	1	1	0
31	Pembantu Khas, Pembantu Setiausaha Pejabat	N19/N22/ N29/30/ N32	1	1	0
32	Pembantu Khas, Pembantu Setiausaha Pejabat N32(KUP)	N32(KUP)	1	0	1
33	Pembantu Tadbir (Kewangan)	W22	1	1	0
34	Pembantu Akauntan	W22	1	1	0
35	Pembantu Perhubungan Perusahaan	S19/S22	143	137	6

Bil.	Jawatan	Gred	Jawatan	Isi	Kosong
36	Jurubahasa	LA19/LA22	41	38	3
37	Pegawai Khidmat Pelanggan	N19/N22	3	3	0
38	Pembantu Tadbir (Kewangan)	W19/W22	18	17	1
39	Pembantu Tadbir (Perkeranian / Operasi)	N19/N22	194	188	6
40	Pembantu Tadbir (Perkeranian / Operasi)(KUP)	N19/N22	0	0	0
41	Pembantu Setiausaha Pejabat/Setiausaha Pejabat	N19/N22/ N29/30	15	14	1
42	Juruteknik Komputer	FT19/FT22	1	1	0
43	Pembantu Tadbir Rendah (KUP)	N11/N14	0	0	0
44	Pembantu Operasi -Hakiki N14	N11	12	8	4
45	Penghantar Notis	N11/N14	40	34	6
46	Pembantu Operasi	N11/N14	78	73	5
47	Pemandu Kenderaan	H11/H14	38	36	2
48	Pengawal Keselamatan	KP11/ KP14	1	1	0
49	Pemandu Kenderaan (KUP) - Hakiki H11/H14	R3/R6	1	1	0
50	Pembantu Am Pejabat - Jawatan Jumud Hakiki N11/N14	N1/N4	1	1	0
JUMLAH			**1192**	**1092**	**100**

Sumber : JTKSM

Penerimaan Darjah Kebesaran, Bintang Dan Pingat

JTKSM mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Penerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat pada tahun 2017 seperti berikut:

Bil.	Nama	Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat
1	Ahmad Khusairi Bin Lope Abdul Rahman	Bintang Cemerlang Negeri (B.C.N)
2	Rose Murni Bt. Mohd Tambi	Bintang Cemerlang Kedah (B.C.K)
3	Norasmawi Bin Abdul Rahim	Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K)
4	Nurmah Binti Mohd Yusoff	Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K)

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2017





PERSARAAN



"Lipat Sirih Di Tapak Tangan
Letak Sekapur Dalam Dupa
Budi Yang Baik Jadi Kenangan
Budi Tuan Kami Tak Lupa"

"Dari Tambunan Bawa Delima
Masak Sebiji Di Balik Daun
Jasamu Tuan Kami Terima
Jadi Kenangan Bertahun-Tahun"

JTKSM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pegawai dan kakitangan yang telah bersara pada tahun 2017. Segala bakti, pengorbanan dan kesetiaan dalam perkhidmatan awam akan tetap dikenang dan dihargai.

Bil	Nama	Jawatan	Pejabat Terakhir	Tarikh Bersara	Persaraan
1	Fadzilah Binti Hassan	Pegawai Perhubungan Perusahaan	Ibu Pejabat	06.01.2017	Bersara Pilihan
2	Kamaruzaman Bin Mat Ali	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	Pejabat Tenaga Kerja Kota Bharu	10.01.2017	Bersara Wajib
3	Mahsuri Binti Ali	Pembantu Tadbir (Kew)	Jabatan Tenaga Kerja Pahang	22.01.2017	Bersara Wajib
4	Zakariya Bin Mos	Penghantar Notis	Pejabat Tenaga Kerja Johor Bahru	24.01.2017	Bersara Wajib
5	Zaharah Binti Ja'afar	Pembantu Operasi	Pejabat Tenaga Kerja Johor Bahru	01.02.2017	Bersara Wajib
6	Khairul Amri bin Mohd Bakri	Pembantu Am Pejabat	Pejabat Tenaga Kerja Kuala Kangsar	16.02.2017	Bersara Wajib
7	Mohd Zawawi Bin Mat Piah	Pembantu Operasi	Pejabat Tenaga Kerja Ipoh	01.04.2017	Bersara Pilihan
8	Sh Hashimah Binti Syed Hussin	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	Pejabat Tenaga Kerja Kuala Kangsar	16.04.2017	Bersara Wajib

Bil	Nama	Jawatan	Pejabat Terakhir	Tarikh Bersara	Persaraan
9	Hashim Bin Mohamad Amin	Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan	Pejabat Tenaga Kerja Batu Pahat	21.04.2017	Bersara Wajib
10	Zaiton Binti Md Said	Pegawai Perhubungan Perusahaan	Pejabat Tenaga Kerja Kuala Selangor	23.04.2017	Bersara Wajib
11	Mad Said Bin Ayob	Penghantar Notis	Pejabat Tenaga Kerja Butterworth	30.04.2017	Bersara Pilihan
12	Rahimah Binti Abdul Majid	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	Pejabat Tenaga Kerja Dungun	05.06.2017	Bersara Wajib
13	Siti Muzayanah Binti Sohaimi	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	Pejabat Tenaga Kerja Kluang	06.06.2017	Bersara Wajib
14	Noormahs Binti Yaacob Thomas	Pembantu Tadbir (Kewangan)	Ibu Pejabat	10.06.2017	Bersara Wajib
15	Prema A/P M.Kattan	Pegawai Perhubungan Perusahaan	Pejabat Tenaga Kerja Ipoh	13.06.2017	Bersara Wajib
16	Peah Binti Othman	Pegawai Perhubungan Perusahaan	Pejabat Tenaga Kerja Tapah	01.07.2017	Bersara Pilihan
17	Hashim Bin Ramli	Pembantu Operasi	Pejabat Tenaga Kerja Kuala Lumpur	01.08.2017	Bersara Pilihan
18	Lokman Bin Isma'ail	Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan	Pejabat Tenaga Kerja Gerik	20.08.2017	Bersara Wajib
19	Abdul Halim Bin Ahmad	Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan	Pejabat Tenaga Kerja Ipoh	01.09.2017	Bersara Pilihan
20	Siti Aminah Binti Boseri	Penolong Pegawai Tadbir	Jabatan Tenaga Kerja Johor	01.09.2017	Bersara Pilihan
21	Low Sook Jen	Pegawai Perhubungan Perusahaan	Jabatan Tenaga Kerja Pulau Pinang	22.09.2017	Bersara Wajib
22	Siti Khatijah Binti Wahab	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	Pejabat Tenaga Kerja Kuala Terengganu	19.10.2017	Bersara Wajib
23	Azhar Bin Rasdi	Penolong Pegawai Perhubungan Perusahaan	Pejabat Tenaga Kerja Kuala Lumpur	01.11.2017	Bersara Pilihan
24	Ishak Bin Samawie	Penghantar Notis	Pejabat Tenaga Kerja Muar	26.11.2017	Bersara Wajib
25	Nooriah Binti Mohd Ali	Setiausaha Pejabat	Ibu Pejabat	17.12.2017	Bersara Wajib

Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS)

Pelaksanaan Petunjuk Prestasi (KPI) HRMIS mula dilaksanakan pada tahun 2009 kepada Penjawat Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam (PPTPA). Pada tahun 2017, pencapaian adalah seperti berikut:



HRMIS merupakan aplikasi yang merangkumi keseluruhan aspek pengurusan sumber manusia bagi penjawat awam bermula dari perlantikan hingga persaraan dalam perkhidmatan awam.



Majlis Bersama Jabatan (MBJ) JTKSM

Majlis Bersama Jabatan (MBJ) ialah sebuah medium dua hala, di mana Pihak Pekerja diberi saluran untuk berkomunikasi dengan Pihak Pengurusan dalam menyuarakan pendapat, pandangan, serta menyumbang idea-idea yang bernas demi kepentingan dan kebaikan JTKSM. Selain itu, MBJ juga bertujuan untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh Pihak Pekerja.

JTKSM adalah komited dalam menyelesaikan isu-isu yang dibangkitkan di dalam MBJ dan ini secara tidak langsung dapat menyuntik semangat kakitangan JTKSM untuk bekerja dengan lebih dedikasi dan produktif.

Status Penyelesaian Isu-isu MBJ JTKSM Bilangan 1 Tahun 2017

Perkara Berbangkit			Isu Baru			
Perkara	**Selesai**	**Belum Selesai**	**Bil**	**Perkara**	**Selesai**	**Belum Selesai**
Elaun dan Kemudahan			1	Elaun dan Kemudahan		
Kewangan			2	Kewangan		
Perkhidmatan			3	Perkhidmatan		
Skim Perkhidmatan/ Perjawatan			4	Skim Perkhidmatan/ Perjawatan		
Kebajikan	1		5	Kebajikan	1	
Pentadbiran	1		6	Pentadbiran	1	
Hal Lain			7	Hal Lain		

Status Penyelesaian Isu-isu MBJ JTKSM Bilangan 2 Tahun 2017

Perkara Berbangkit			Isu Baru			
Perkara	**Selesai**	**Belum Selesai**	**Bil**	**Perkara**	**Selesai**	**Belum Selesai**
Elaun dan Kemudahan			1	Elaun dan Kemudahan		
Kewangan			2	Kewangan		
Perkhidmatan			3	Perkhidmatan		
Skim Perkhidmatan/ Perjawatan			4	Skim Perkhidmatan/ Perjawatan		
Kebajikan			5	Kebajikan		
Pentadbiran		1	6	Pentadbiran		
Hal Lain			7	Hal Lain		

Status Penyelesaian Isu-isu MBJ JTKSM Bilangan 3 Tahun 2017

Perkara Berbangkit			Isu Baru			
Perkara	**Selesai**	**Belum Selesai**	**Bil**	**Perkara**	**Selesai**	**Belum Selesai**
Elaun dan Kemudahan			1	Elaun dan Kemudahan		
Kewangan			2	Kewangan		1
Perkhidmatan			3	Perkhidmatan		
Skim Perkhidmatan/ Perjawatan			4	Skim Perkhidmatan/ Perjawatan		
Kebajikan			5	Kebajikan	2	1
Pentadbiran	1		6	Pentadbiran		
Hal Lain	1		7	Hal Lain	1	1

Status Penyelesaian Isu-isu MBJ JTKSM Bilangan 4 Tahun 2017

Perkara Berbangkit			Isu Baru			
Perkara	**Selesai**	**Belum Selesai**	**Bil**	**Perkara**	**Selesai**	**Belum Selesai**
Elaun dan Kemudahan			1	Elaun dan Kemudahan		
Kewangan			2	Kewangan		
Perkhidmatan			3	Perkhidmatan		4
Skim Perkhidmatan/ Perjawatan			4	Skim Perkhidmatan/ Perjawatan	1	
Kebajikan	1		5	Kebajikan	1	1
Pentadbiran	1		6	Pentadbiran	2	2
Hal Lain			7	Hal Lain	1	





Aktiviti Pengurusan Perburuhan Dan Pekerjaan



Konvensyen Pegawai Pemeriksa Perburuhan JTKSM

29 – 31 Oktober 2017, Ipoh, Perak

JTKSM berjaya menganjurkan Konvensyen Pegawai Pemeriksa Perburuhan yang julung kalinya diadakan bagi menghimpun pegawai pemeriksa dari seluruh Semenanjung Malaysia bagi membincangkan isu-isu penguatkuasaan dan mengenalpasti amalan terbaik pelaksanaan pemeriksaan perburuhan melalui perkongsian strategi-strategi yang digunapakai oleh setiap negeri dan daerah.

Konvensyen yang bertemakan "Memperkasa Kualiti Pemeriksaan Ke arah Peningkatan Pematuhan Undang-undang Perburuhan" telah dihadiri oleh seramai 150 orang peserta yang terdiri daripada Pengarah Ibu Pejabat, Pengarah JTK Negeri, Ketua Pejabat dan Pegawai Pemeriksa dari gred S29 hingga gred S41. Konvensyen ini telah berjaya mewujudkan dan memperkukuhkan kerjasama (networking) antara pihak Ibu Pejabat dengan JTK Negeri dan Daerah serta kerjasama antara negeri ke arah mencapai pemeriksaan perburuhan yang berkesan dan efektif. Di samping itu, satu resolusi telah dibangunkan selaras dengan tema Konvensyen Pegawai Pemeriksa Perburuhan pada tahun 2017.















Konvensyen Pegawai Pemeriksa Perburuhan, Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia di Ipoh, Perak

Kembara Kerjaya *Train Ride* 2.0 Zon Selatan

Bagi mempelbagaikan mekanisma program penyampaian perkhidmatan yang lebih berkesan kepada rakyat Malaysia, JTKSM telah memperkenalkan inisiatif *Outreach* melalui program *Train Ride*.

Kembara Kerjaya *Train Ride* 2.0 (Zon Selatan) Tahun 2017 telah berlangsung dari 18 Ogos hingga 20 Ogos 2017 di sekitar Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. Progam ini dilaksanakan dengan kerjasama diantara JTKSM dan agensi di bawah KSM), Kerajaan Negeri dan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB).



Pencapaian Penempatan Pencari Kerja Sempena *Train Ride* & Kembara Kerjaya 2017 Zon Selatan



18 OGOS

NEGERI SEMBILAN

Lokasi
Stesen KTMB Seremban Negeri Sembilan

Bilangan Pencari Kerja
1,524

Bilangan Penempatan
822

19 OGOS

JOHOR

Lokasi
Stesen KTMB Kluang, Johor

Bilangan Pencari Kerja
1,801

Bilangan Penempatan
1,071

20 OGOS

MELAKA

Lokasi
Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan & Teknologi Alor Gajah, Melaka

Bilangan Pencari Kerja
637

Bilangan Penempatan
138

3,962	96	9,859	2,031
Jumlah Bilangan Pencari Kerja	Jumlah Bilangan Majikan	Jumlah Bilangan Kekosongan	Jumlah Bilangan Penempatan

Pengisian Program

Train Ride & Kembara Kerjaya Di Zon Selatan 2017











JOBFAIR@UTC TAHUN 2017

Program *Jobfair*@UTC merupakan salah satu inisiatif National Blue Ocean Strategy (NBOS) kolaborasi di antara JTKSM dan Unit Strategi Nasional, Kementerian Kewangan. Pada tahun 2017, *Jobfair*@UTC tahun 2017 telah dilaksanakan 2 kali iaitu pada 20 Mei 2017 dan 29 September 2017 yang melibatkan 11 buah Pusat JobsMalaysia yang beroperasi di UTC seluruh Malaysia. Sebanyak 815 majikan yang menyertai program ini yang menawarkan hampir 50,000 kekosongan jawatan di pelbagai bidang.










TAHNIAH


Jobs Malaysia






SKIM GALAKAN PERNIAGAAN
ORANG KURANG UPAYA (SGPKU)
AZEMI BIN ISMAIL
RM14,631.00
EMPAT BELAS RIBU ENAM RATUS TIGA PULUH SATU SAHAJA

Sambutan Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan 2017

Majlis Sambutan Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan 2017 anjuran Kementerian Sumber Manusia telah diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada 1 Mei 2017. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada masa tersebut yang bertemakan 'Pekerja Kreatif Pencetus Inovasi'. Jabatan ini selaku Ahli Jawatankuasa Sambutan telah berjaya menarik kehadiran 69 kontinjen yang melibatkan 6,008 orang peserta dari pelbagai sektor awam, badan berkanun, swasta dan pertubuhan serta kesatuan sekerja. Antara program yang diadakan sempena sambutan tersebut adalah seperti bacaan ikrar oleh semua pekerja dan majikan, penyampaian anugerah kepada tokoh-tokoh hari pekerja serta ucapan amanat daripada YAB Perdana Menteri Malaysia.





JTKSM di Arena Antarabangsa



Peranan dan Penglibatan JTKSM dalam Pertubuhan Buruh Antarabangsa

Pertubuhan Buruh Antarabangsa (International Labour Organization - ILO) telah menetapkan piawaian buruh antarabangsa dalam dua instrumen iaitu konvensyen dan rekomendasi. Konvensyen merupakan instrumen perundangan yang mengikat (bind) negara-negara untuk menggunapakai piawaian tersebut manakala rekomendasi bertindak sebagai garis panduan.

Malaysia telah menjadi negara ahli ILO sejak 11 November 1957 dan meratifikasi 17 buah Konvensyen ILO yang 13 daripadanya adalah di bawah seliaan JTKSM:

Bil.	Konvensyen	Tahun Ratifikasi
Asas (Fundamental)		
1.	Konvensyen Buruh Paksa, 1930 (No. 29) *Forced Labour Convention, 1930 (No. 29)*	11 Nov 1957
2.	Konvensyen Upah Samarata, 1951 (No. 100) *Equal Remuneration Convention, 1951 (No. 100)*	9 Sep 1997
3.	Konvensyen Umur Minimum, 1953 (No. 138) *Minimum Age Convention, 1953 (No. 138)*	9 Sep 1997
4.	Konvensyen Kerja Kanak-kanak *Worst Forms of Child Labour Convention, 1999 (No. 182)*	10 Nov 2000
Tadbir Urus (Governance)		
5.	Konvensyen Pemeriksaan Buruh, 1947 (No. 81) *Labour Inspection Convention, 1947 (No. 81)*	1 Jul 1963
Teknikal		
6.	Konvensyen Pampasan Pekerja (Pertanian), 1921 (No. 12) *Workmen's Compensation (Agriculture) Convention, 1921 (No. 12)*	05 Jun 1961
7.	Konvensyen Layanan Samarata (Pampasan Kemalangan), 1925 (No.19) *Equality of Treatment (Accident Compensation) Convention, 1925 (No. 19)*	11 Nov 1957
8.	Konvensyen Pampasan Pekerja (Kemalangan), 1925 (No.17) *Workmen's Compensation (Accidents) Convention, 1925 (No. 17)*	11 Nov 1957
9.	Konvensyen Kerja Bawah Tanah (Wanita), 1935 (No. 45) *Underground Work (Women) Convention, 1935 (No. 45)*	11 Nov 1957
10.	Konvensyen Perkhidmatan Pekerjaan, 1948 (No. 88) *Employment Service Convention, 1948 (No. 88)*	6 Jun 1974
11.	Konvensyen Perlindungan Upah, 1949 (No. 95) *Protection of Wages Convention, 1949 (No. 95)*	17 Nov 1961

sambungan...

Bil.	Konvensyen	Tahun Ratifikasi
12.	Konvensyen Umur Minimum (Kerja Bawah Tanah), 1965 (No. 123) *Minimum Age (Underground Work) Convention, 1965 (No. 123)*	6 Jun 1974
13.	Konvensyen Penetapan Umur Minimum, 1970 (No. 131) *Minimum Age Fixing Convention, 1970 (No. 131)*	7 Jun 2016

Sebagai negara ahli ILO, Malaysia digalakkan untuk meratifikasi konvensyen-konvensyen yang diluluskan oleh Persidangan Buruh Antarabangsa (International Labour Conference). Malaysia dikehendaki melaporkan tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan dalam menerima pakai konvensyen yang telah diratifikasi seperti semakan dan pindaan undang-undang, pengenalan dasar baharu, keputusan mahkamah bagi sesuatu isu berkaitan serta lain-lain inisiatif yang mendatangkan impak selari dengan kehendak konvensyen.

Laporan berhubung pemakaian konvensyen *Fundamental* dan *Governance* perlu dikemukakan setiap 3 tahun manakala laporan berkaitan lain-lain konvensyen disediakan setiap 5 tahun. Malaysia juga boleh dikehendaki oleh ILO dari semasa ke semasa untuk melaporkan sejauh mana pemakaian panduan yang digariskan oleh konvensyen yang tidak diratifikasi dalam pentadbiran perburuhan negara.

Pada bulan Jun setiap tahun, Persidangan Buruh Antarabangsa akan diadakan di ibu pejabat ILO di Geneva, Switzerland. Persidangan ini yang dihadiri oleh delegasi dari semua negara ahli akan meneliti tadbir urus ILO serta membincangkan laporan dan isu-isu perburuhan berbangkit. Malaysia akan menghantar delegasi yang diketuai oleh Menteri Sumber Manusia dan wakil dari KSM, Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF) dan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC). Wakil JTKSM ke Persidangan Buruh Antarabangsa di Geneva pada 5-17 Jun 2017 yang bertemakan “Building a future with decent work” ialah Puan Hajah Paeza binti Rosdi, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan dan Pembangunan).

Penglibatan JTKSM dalam Aktiviti Perburuhan di Peringkat Antarabangsa

Malaysia melalui KSM, khususnya JTKSM merupakan ahli tetap kepada beberapa Jawatankuasa di peringkat Asia Tenggara dan antarabangsa antaranya;

- *Organization of Islamic Cooperation (OIC)*
- *ASEAN Summits*
- *ASEAN Committee on the Implementation of the ASEAN Declaration on the Protection and Promotion of the Rights of Migrant Workers – Drafting Team (ACMW-DT)*
- *Senior Labour Officer Meeting (SLOM)*
- *ASEAN Committee on the Implementation of the ASEAN Declaration on the Protection and Promotion of the Rights of Migrant Workers*

Atase Buruh

Penglibatan Atase Buruh di peringkat hubungan *multi-lateral* dan *bi-lateral* adalah wakil pengantara dalam memantau penglibatan Malaysia dan menjaga kepentingan negara di arena perburuhan antarabangsa. Malaysia telah menempatkan Atase Buruh di empat buah Negara iaitu Switzerland, Singapura, India dan Indonesia.

Taburan Atase Buruh



Pejabat Atase Buruh
Geneva (Switzerland)
Encik Ummar @ Jai Kumar Abdullah



Pejabat Atase Buruh
Singapura
Encik Nai Mung Kun a/l Ai Wong



Pejabat Atase Buruh
Chennai (India)
Puan Sumita Mabel Tambou



Pejabat Atase Buruh
Jakarta (Indonesia)
Dr. Harris Gani



Wacana **JTKSM**



Platform terbaik cari pekerjaan

Portal Jobs Malaysia bantu pencari kerja mendapatkan maklumat mengenai peluang kerjaya yang sesuai dengan kelulusan mereka sama

PORTAL Jobs Malaysia merupakan sebuah medium yang disediakan oleh kerajaan secara percuma kepada orang ramai. Pencari kerja dan majikan akan dihubungkan melalui data yang dimasukkan di portal tersebut bagi membantu majikan mendapatkan tenaga kerja mengikut kelayakan yang diperoleh pekerjaan sesuai dengan jurusan yang dipohon. Pada tahun lalu, seramai 158,181 pencari kerja berjaya mendapat pekerjaan melalui portal Jobs Malaysia. Wartawan *Kosmo! Ahad*, **ZURAINI MOHD. KHALID** menemui Ketua Pengarah Perkhidmatan Pekerjaan, **Datuk Yusoff Mohamed** untuk mengetahui lebih lanjut mengenai portal tersebut.

YUSOFF: Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan lebih dikenali sebagai Jobs Malaysia merupakan salah satu bahagian di bawah Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) yang merupakan salah sebuah jabatan di bawah Kementerian Sumber Manusia. Fungsi utama bahagian adalah sebagai sebuah hab mencari pekerjaan. Sistem ini membuat kemudahan kepada pencari kerja untuk mencari peluang pekerjaan yang bersesuaian. Majikan pula boleh mendapatkan calon untuk mengisi kekosongan jawatan di syarikat mereka. Menerusi sistem ini juga, pencari kerja boleh membuat pendaftaran di dengan menyediakan resume dan laporan kepada pihak kementerian itu.

Apakah perbezaan portal ini dengan laman web kerja sebelum ini?

Jika ada pekerja wanita yang ditimpa kes kerja sebab berbadang, laporkan kes pada kita. (JTK) dan kita akan siasat mana-mana berniaga yang salah.

"Tindakan boleh diambil mengikut Fasal 6 Peraturan Kerja dan Setelah 30 hari dari tarikh Akta Perkeja 1955 (Akta 265) atau peruntukan perundangan kerja di bawah Seksyen 20 Akta Pertubuhan Perusahaan 1967 (Akta 177).

"Untuk kes-kes yang melibatkan kerajaan, jangan lah sebab mengenai tanggapan pihak kerajaan atau tak," katanya.

Ismail berkata, jika pekerja mendapati mereka tertindas atau berlaku diskriminasi dalam isu pemecatan tadung, mereka boleh membuat aduan di pejabat Jabatan Tenaga Kerja (JTK) berkenaan.

